

**PEMIKIRAN SKEPTIKAL SYIAH TERHADAP
AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMĀ'AH DALAM
KARYA-KARYA SYIAH MELAYU:
SATU KRITIKAN**

SHI'ITE'S SCEPTICAL VIEW TOWARDS AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMĀ'AH IN MALAY SHI'ITE WORKS:
A CRITIC

Mohd Aizam Mas'od & Mohd Fauzi Hamat***

*Buhuth Unit. Mufti of Federal Territory Office. Prime Minister's Department. Kompleks Islam Putrajaya. 62100. Putrajaya. Malaysia.

**Department of `Aqidah & Islamic Thought. Academy of Islamic Studies. University of Malaya. 50603. Kuala Lumpur. Malaysia.

Email: [*abuhaseef@live.com](mailto:abuhaseef@live.com)

DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol21no1.1>

Khulasah

Fahaman Syiah telah tersebar di Malaysia menjelang tahun 1980-an selepas berlaku Revolusi Iran pada tahun 1979. Dalam konteks Malaysia, proses penyebaran Syiah kepada masyarakat Melayu berlaku menerusi pelbagai cara. Antara medium penyebaran yang memberikan impak ketara adalah penyebaran karya-karya Syiah berbahasa Melayu. Terdapat pelbagai dakwaan dilemparkan terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dalam karya-karya Syiah Melayu bagi meragukan keabsahannya sebagai sebuah mazhab. Antaranya mempertikaikan hujah Ahl al-Sunnah sebagai golongan majoriti sedangkan majoriti tidak semestinya benar. Mendakwa kewujudan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah tidak memiliki sandaran yang kukuh dari segi syarak dan sejarah. Meragui keperibadian al-Ash'arī kerana berasal dari seorang tokoh Mu'tazilah dan menuduh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai sebuah pakatan yang rapuh kerana menyaksikan pelbagai pertembungan dari sudut

akidah dan fiqah. Justeru, artikel ini membentangkan kritikan ilmiah terhadap hujah-hujah yang dikemukakan Syiah dalam karya-karya berkenaan. Menerusi metod dokumentasi dalam kaedah pengumpulan data, kajian ini merujuk kepada dua buah karya Syiah Melayu terpilih iaitu *Meniti Titian Kebenaran* karangan Khair Izzah dan *Perempuan Nan Bercinta* karya Faisal Tehrani. Manakala metode komperatif digunakan dalam menganalisis data dengan membuat perbandingan hujah antara Syiah dan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Secara umumnya, semua keraguan yang dibangkitkan dalam beberapa karya Syiah Melayu adalah bagi menjustifikasikan kebatilan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, sekaligus menetapkan Syiah sebagai satu-satunya mazhab yang sah. Walau bagaimanapun, hujah-hujah yang dipaparkan dalam karya-karya tersebut adalah tertolak kerana sarat dengan penyelewengan fakta dan pengkhianatan ilmiah.

Kata kunci: Pemikiran skeptikal; karya-karya Syiah Melayu; Shi'ah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah; Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah; Malaysia.

Abstract

Shi'a has been spread in Malaysia by the 1980s after the Iranian revolution in 1979. In the Malaysian context, dissemination of Shi'ite to the Malay community occurred through a variety of ways. Among the spreading mediums that had a primary impact were the spread of Malay Shi'ite works. Various allegations were made about Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah in Malay Shi'ite works to cast doubt on its legitimacy as a school of thought by questioning the argument of Ahl al-Sunnah as being the majority while the majority is not necessarily right. Shi'ite also claims that the existence of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah has no strong religious and historical basis. Besides, the school raise doubt on the personality of al-Ash'arī as a former Mu'tazilah figure and accuse Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah as having formed a weak alliance

between its components from within the school because of different views among themselves in some issues of *'aqīdah* and jurisprudence (*fiqh*). Hence, this article presents critics on the arguments suggested by Shi'ite in the works. Through the method of documentation in the method of data collection, this study refers to two selected Malay Shi'ite works entitled *Meniti Titian Kebenaran* by Khair Izzah and *Perempuan Nan Bercinta* by Faisal Tehrani. Whereas comparative methods are used in analyzing data by comparing the arguments between Shi'ite and Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. In general, all these doubts were raised in some of the Malay Shi'ite works to justify the falsehood of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah's practice, at the same time establishing Shi'ite as the only legitimate school of thought. However, the arguments presented in the works were rejected because of the manipulation of facts and scientific treachery.

Keywords: Sceptical view; Malay Shi'ite works; Shi'ah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah; Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah; Malaysia.

Pendahuluan

Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah merupakan aliran yang secara konsisten menolak prinsip keadilan para sahabat. Menurut aliran ini, hukum mengenai keadilan para sahabat adalah sepertimana hukum ke atas selain mereka. Gelaran sahabat semata-mata tidak boleh menjadikan mereka adil secara langsung dan kebal daripada sebarang penilaian dan kritikan. Syiah meletakkan tiga kayu ukur utama bagi menilai keadilan para sahabat iaitu; kecintaan dan permusuhan mereka terhadap *Ahl al-Bayt*, kemungkaran yang dilakukan mereka ketika hayat Rasulullah SAW dan kemurtadan mereka selepas kewafatan Rasulullah SAW.

Penolakan terhadap keadilan para sahabat menjustifikasikan Syiah untuk menolak para sahabat sebagai sumber rujukan atau sandaran dalam beragama. Ia

berasaskan kedudukan para sahabat yang didakwa tidak boleh dipercayai, memiliki banyak kekurangan dan keburukan, terdedah kepada perlakuan munafik, fasik dan murtad yang boleh dipertikaikan kredibilitinya. Lebih-lebih lagi jika dibandingkan dengan para imam *Ahl al-Bayt* yang bersifat maksum menurut iktikad Syiah. Hal ini menjadikan Syiah bersikap amat skeptikal terhadap mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang sering dikaitkan secara tipikal dengan mazhab sahabat. Manakala Syiah pula menyandarkan diri mereka sebagai mazhab *Ahl al-Bayt*.

Makalah ini akan meneliti beberapa pandangan skeptikal tersebut dalam dua karya Syiah Melayu, *Meniti Titian Kebenaran: Menyingkap Kebenaran Mazhab Rasul dan Ahlul Bair*¹ karangan Khair Izzah dan *Perempuan Nan Bercinta*² karangan Faisal Tehrani. Kedua-dua karya berkenaan telah dikenakan perintah larangan oleh Kementerian Dalam Negeri, masing-masing pada 9 Januari 2014, No. Warta P.U. (A) 13 dan 22 April 2014, No. Warta P.U. (A) 111. Antara sebab utama larangan adalah kerana mempromosikan fahaman Syiah yang bertentangan dengan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang menjadi anutan rasmi di Malaysia.³

Pengenalan Terhadap Dua Karya Syiah Melayu

a. Khair Izzah dan karyanya *Meniti Titian Kebenaran*

Khair Izzah merupakan nama samaran kepada Khaireen Syahreem bin A Malek. Beliau menjalankan perniagaan

¹ Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran* (t.t.p. : Al-Muntazar Resources, 2011).

² Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta* (Kuala Lumpur: ITBM, 2012).

³ "Senarai Perintah Larangan", Kementerian Dalam Negeri, dicapai 15 Mei 2015, <http://epq.kdn.gov.my/epq/index.php?mod=public&opt=pl>; Mohd Aizam Mas'od dan Mohd Fauzi Hamat, "Analisis Definisi Sahabat dalam Beberapa Karya Syiah Melayu," *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam (Afkar)* Vol. 20 Issue 1 (2018), doi: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol20no1.1.4>.

mengedar dan menjual buku-buku kajian, komputer, barangan aksesori dan penternakan itik dan kambing di bawah Syarikat Raudhah al-Hurr Resources Enterprise beralamat di Ulu Tiram, Johor. Dalam kata pengantar buku *Meniti Titian Kebenaran*, beliau mengaku sebagai penuntut di Kuliah Usuluddin dan Dakwah, Universiti al-Azhar, Mesir. Selain mengarang buku *Meniti Titian Kebenaran*, beliau juga mengarang buku lain yang turut mempertahankan ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah dan mengkritik Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah iaitu *Pertahan Syariat Muhammadiyah* pada 2010. Selain itu, beliau pernah mewakili pihak Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah dalam Dialog Sunni Syiah yang diadakan di Masjid Jamek Taman Perling, Johor Bahru pada 3 Februari 2013.⁴

Mengenai isi kandungan buku *Meniti Titian Kebenaran*, secara umumnya ia ditulis dengan jelas bertujuan untuk mempromosikan fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Sekalipun tajuk besarnya agak kabur dan bersifat *catchy*, namun secara penuh disebutkan judulnya, *Meniti Titian Kebenaran: Menyingkap Kebenaran Mazhab Rasul dan Ahlul Bait*. Tajuk sedemikian sudah cukup menimbulkan tanda tanya di benak pembaca bahawa terdapat suatu mazhab baharu yang selama ini terselindung kebenarannya oleh sebab tertentu. Dalam kata pengantarnya, penulis menekankan kepentingan berfikir dan mengkaji dalam mencari kebenaran. Bukan sekadar bertaqlid kepada ibu bapa atau keturunan yang lebih banyak dipengaruhi oleh sentimen berbanding bersikap rasional dan profesional.

⁴ Seksyen Akidah, "Kertas Makluman Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia" (2013), 10; "Debat Sunni Syiah Masjid Perling 2013: Analisis Ringkas", *Meniti Titian Sebenar*, <http://titian-sebenar.blogspot.my/2014/02/debat-sunni-syiah-masjid-perling-2013.html>, dicapai 10 Januari 2016; "Debat Sunni vs Syiah Malaysia, dicapai 10 Januari 2016, <https://www.youtube.com/watch?v=NpSUIyUUwZE&t=42m38s>.

Penulis merakamkan kekesalannya yang pernah menilai ajaran Syiah berdasarkan tulisan-tulisan daripada musuh-musuh Syiah. Namun dalam diam-diam beliau cuba mengkaji ajaran Syiah menerusi sumber-sumber Syiah sendiri. Akhirnya ia menjadi titik peralihan dalam pencarian beliau apabila mendapati hujah-hujah yang dikemukakan dalam sumber rujukan Syiah mampu menjawab semua pertikaian yang ditimbulkan oleh para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Justeru, buku ini ditulis dengan membawakan hujah-hujah al-Qur'an, hadis, sejarah dan logik akal siapakah sebenarnya golongan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah itu.⁵

Seterusnya penulis membahagikan buku ini kepada sembilan topik dengan keseluruhannya 755 halaman, iaitu:

1. Mazhab Majoriti: Mengenali Ahlus Sunnah Wal Jamaah
2. Mazhab Minoriti: Mengenali Syiah Imamiyyah
3. Perbahasan Pertama: Sumber-sumber Asas Aqidah
4. Perbahasan Kedua: Individu Ahlul Bait Nabi SAW
5. Perbahasan Ketiga: Hak Jabatan Khilafah Islam
6. Perbahasan Keempat: Rampasan Hak Jabatan Khilafah
7. Perbahasan Kelima: Keadilan Para *Al-sahabah*
8. Perbahasan Keenam: Veto Ijtihad vs Nas Syariat
9. Perbahasan Ketujuh: Penciptaan Hadis dan al-Sunnah Nabi

Kesimpulannya, buku ini dikarang oleh penulis sebagai alat propaganda bagi menyebarkan fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Argumentasi yang dibentangkan lebih bersifat konfrantatif terhadap fahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan defensif bagi mempertahankan kebenaran ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah.

⁵ Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 1-51 (Kata Pengantar).

b. Faisal Tehrani dan karyanya *Perempuan Nan Bercinta*

Faisal Tehrani adalah nama pena bagi Mohd Faizal bin Musa. Beliau merupakan novelis berunsur Islam terkenal di Malaysia. Beberapa buah buku beliau selain buku *Perempuan Nan Bercinta* telah dikenakan perintah larangan oleh KDN kerana dikenalpasti mengandungi unsur-unsur ajaran Syiah. Antaranya, *Sebongkah Batu di Kuala Berang*, *Karbala* dan *Ingin Jadi Nasrullah* yang dikenakan perintah larangan pada 1 April 2015 dengan Warta No. P.U. (A) 67.⁶

Novel ini dikarang oleh Faisal Tehrani dengan bertemakan novel cinta yang amat digemari oleh golongan remaja tetapi sarat dengan propaganda fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah. Penulis menerapkan elemen perdebatan ilmiah untuk mempengaruhi pembaca bagi menonjolkan keabsahan ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah dari segi epistemologi dan ideologi berbanding mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang disifatkan sebagai tidak asli. Objektif tersebut tampak menyerlah menerusi kewujudan satu watak protagonis yang mewakili Syiah tetapi mengaku seorang Sunni yang bertasyayyu‘ *Hasan* (Dr. Ali Taqi), manakala lima lagi adalah watak antagonis yang mewakili wanita Islam feminis (Idora), penganut Aties (Briana), orientalis Kristian (Bastian), bekas penganut Salafi (Hashemi) dan penganut Sunni (Zanjabila). Menerusi watak Dr. Ali Taqi, penulis menerapkan apa yang menjadi ideologi pegangannya, sesuai dengan penegasannya pada kulit belakang karya tersebut,

“Sejak 1515 dan Tuhan Manusia, Perempuan Nan Berinta adalah karya Faisal Tehrani yang paling provokatif setakat ini.”

⁶ “Senarai Perintah Larangan”, Kementerian Dalam Negeri, <http://epq.kdn.gov.my/e-pq/index.php?mod=public&opt=pl>. 15 Mei 2015.

Secara umumnya, novel ini cuba memberikan gambaran bagaimana pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang dianuti oleh majoriti umat Islam di dunia menjadi punca kepada pandangan negatif banyak pihak terhadap imej Islam itu sendiri. Penulis menggunakan instrumen perbualan, pembentangan seminar dan forum bagi mewujudkan perdebatan sama ada secara jelas atau tidak jelas, langsung atau tidak langsung bagi memperlihatkan keabsahan dan kerelevanan ajaran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah dalam menjawab segala persoalan umat bermula daripada isu gender, kekeluargaan, pemikiran pasca modenisme, perbandingan teologi, mazhab dan agama, isu hak asasi dan diskriminasi golongan minoriti, perjuangan Hezbollah dan sejarah awal kedatangan Islam ke Nusantara.

Kesemua topik ini dicerakinkan dengan menjadikan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai sasaran utama terhadap segala kepincangan dalam menangani isu umat. Walau bagaimanapun, penulis menutup novelnya secara anti-klimaks apabila menyatakan Sunni dan Syiah perlu saling melengkapi bagi mencapai matlamat generasi supramazhab, sedangkan idea-idea yang dibentangkan sebelumnya sarat dengan sikap prejudis dan provokatif terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

Dapat disimpulkan, tema yang dipersembahkan dalam novel ini hanya terbahagi kepada tiga tema. Pertama, mengangkat Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sebagai penyelesaian kepada segala permasalahan dan mazhab yang relevan sepanjang zaman. Kedua, mempertikaikan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai pegangan asli yang diwariskan oleh Nabi SAW dan ketidakrelevanannya menangani pelbagai permasalahan ummah. Ketiga, perbandingan antara kedua-dua pegangan dalam menangani pelbagai isu dan persoalan.

a. Menolak Keaslian Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah

Sebagaimana dinyatakan dalam pendahuluan, pendirian Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah terhadap sahabat memberi kesan langsung terhadap pandangan Syiah mengenai mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Dalam *Perempuan Nan Bercinta*, menerusi dialog antara Dr. Ali Taqi dan Dr. Tengku Idora, Faisal Tehrani cuba menggambarkan bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang dianut oleh 90 peratus umat Islam pada hari ini adalah mazhab yang tidak asli berbanding Syiah, mazhab asli yang mewakili sepuluh peratus umat Islam.⁷ Keaslian sesuatu mazhab itu penting kerana ia berhubung rapat dengan kerelevanannya dalam menangani permasalahan umat.

Misalnya, perjuangan menuntut pelbagai hak kaum wanita pada hari ini didakwa berpunca daripada mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang asas dan dasar hal ehwal wanitanya yang kabur dan tidak mampu menyelesaikan masalah.

"Jika begitu, dalam mazhab ahlul bait, peranan wanita sudah amat kukuh. Apa lagi yang perlu diperjuangkan? Perjuangan yang menuntut bukan-bukan dalam Islam hari ini, berpunca daripada mazhab yang asas dan dasar untuk wanitanya bergantung kepada kesia-siaan. Mengapa tidak meminjam yang terbaik untuk menyelesaikan masalah ummah?"⁸

Pandangan Faisal Tehrani tersebut jelas menunjukkan penolakan beliau terhadap keaslian dan keautoritian Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai mazhab yang mampu menyelesaikan permasalahan ummah. Faisal turut mempersoalkan asal kemunculan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Ini kerana, mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah hanya wujud terkemudian dengan kelahiran aliran

⁷ Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*, 9.

⁸ *Ibid.*, 83.

Ashā'irah yang dipelopori oleh Abū al-Ḥasan al-Ash'arī yang lahir pada kurun ketiga hijrah iaitu pada tahun 260 Hijrah. Sebelumnya tidak pernah wujud aliran yang dinamakan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, sebaliknya yang wujud pada zaman 'Alī adalah pengikut 'Alī yang disebut Syiah 'Alī dan pengikut 'Uthmān yang dinamakan Syiah 'Uthmān.

Setelah perang *Jamal*, lahir pula kumpulan yang digelar Khawārij. Seterusnya pada zaman Banī Umayyah lahir lebih banyak lagi kumpulan seperti Murji'ah, Qadariyyah, Jabariyyah dan Mu'tazilah. Pada zaman Banī 'Abbāsiyyah, mazhab Mu'tazilah menjadi sangat kukuh kerana ia didukung oleh beberapa orang khalifah iaitu al-Ma'mūn dan al-Mu'taṣim. Namun begitu, akibat penggunaan akal yang semakin melampau dalam pemikiran Mu'tazilah, Abū al-Ḥasan al-Ash'arī yang pada asalnya merupakan bekas tokoh Mu'tazilah telah mengisytiharkan diri menolak fahaman Mu'tazilah lalu mengajak umat Islam agar kembali kepada sunnah dan jamā'ah. Aliran al-Ash'arī ini kemudiannya dikembangkan lagi dengan kemunculan seorang lagi tokoh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah iaitu Abū Manṣūr al-Māturīdī. Dari sudut fiqah mereka menerimapakai empat mazhab yang saling bertentangan antara satu dengan lain di samping mengenyepikan Mazhab Ja'fari yang dipegang oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah.⁹

Justeru, Faisal Tehrani memandang Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai sebuah mazhab yang baharu. Ia hanya wujud 200 tahun selepas kewafatan Rasulullah SAW. Landasan kewujudan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah juga hanya berasaskan retorika menentang fahaman Mu'tazilah yang berleluasa pada era 'Abbāsiyyah. Walaupun ia menjadi dominan di dalam dunia Islam, namun ia sebuah pakatan yang rapuh kerana didasari dengan pelbagai pertembungan teologi yang tidak mesra antara al-Ash'arī

⁹ *Ibid.*, 70-75.

dan al-Māturīdī seperti persoalan *ma'rifatullāh* dan *qaḍā'* dan *qadar*. Dalam permasalahan fiqah, turut berlaku pertembungan yang sangat ketara antara empat mazhab. Malah sejarah mencatatkan pada zaman 'Abbāsiyyah pernah terjadi pergaduhan yang melibatkan darah antara penganut empat mazhab. Berlaku perpecahan yang kronik akibat kefanatikan terhadap mazhab pegangan masing-masing. Semua itu merupakan indikator, menunjukkan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah adalah pakatan yang rapuh, saling bercakaran dan perlu digantikan dengan mazhab yang benar-benar asli dan berasal daripada Rasulullah SAW.¹⁰

Khair Izzah juga bersependapat dengan Faisal Tehrani. Beliau mempersoalkan keperibadian Abu al-Ḥasan al-Ash'arī yang hanya bertaubat daripada fahaman Mu'tazilah pada tahun 310 Hijrah ketika berumur 50 tahun. Ia jarak yang amat jauh dengan zaman Nabi SAW dan para sahabat r.a.h. Apa yang menjadi persoalan, mengapa beliau mengambil masa yang terlalu lama untuk memahami isi kandungan al-Qur'an dan al-Sunnah yang sebenar. Selain itu, tiada jaminan bahawa fahaman baharu yang diisytiharkan oleh al-Ash'arī benar-benar sahih dan haq di sisi Allah SWT. Ini kerana, jika al-Ash'arī seorang yang benar-benar pakar dalam pemahaman al-Qur'an dan al-Sunnah, maka sudah tentu sejak awal lagi beliau tidak menganut fahaman sesat Mu'tazilah. Persoalan lebih besar, kesemua empat tokoh ulama mujtahid dalam fiqah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah lahir lebih awal dan meninggal dunia sebelum kelahiran al-Ash'arī. Ini menggambarkan penganut Sunni seolah-olah berada dalam kesesatan akidah sebelum kemunculan al-Ash'arī dan hanya memberikan tumpuan kepada fiqah sepanjang tempoh itu.¹¹

¹⁰ *Ibid.*, 338-341.

¹¹ Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 3-5.

b. Istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah menurut Ulama Syiah

Pandangan Faisal Tehrani dan Khair Izzah tersebut, selari dengan pemikiran Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang mempersoalkan awal kemunculan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Ibn 'Aṭīyyah mengatakan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah tidak pernah wujud kecuali selepas kemunculan kerajaan Banī Umayyah. Malah istilah bagi kumpulan yang menyelisihi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah juga tidak wujud sebelum zaman pemerintahan Mu'āwiyah bin Abī Sufyān. Sebaliknya Mu'āwiyah orang pertama yang mencipta istilah tersebut pada tahun yang digelar sebagai 'Ām al-Jamā'ah.¹²

Al-Wirdānī mengatakan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sendiri tidak memiliki jawapan mengenai bila istilah itu muncul dan bila mula-mula akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah terzahir. Ini menyebabkan mereka cuba menyandarkannya kepada Rasulullah SAW dan para sahabat bagi melegitimasikan akidah mereka, mengaitkannya dengan sejarah awal Islam dan sekaligus melenyapkan segala keraguan.¹³

Sebaliknya orang yang mula-mula meletakkan batu asas pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah adalah Aḥmad bin Ḥanbal. Kemudian ia diteruskan oleh golongan Ḥanābilah dengan dukungan kuat kerajaan 'Abbāsiyyah selepas zaman al-Ma'mūn yang menganut fahaman Mu'tazilah. Manakala empat tokoh mazhab fiqah terbesar iaitu Abū Ḥanīfah, Mālik dan Shāfi'ī belum lagi mencadangkan apa-apa berkaitan pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah pada zaman mereka.

¹² Ibn 'Aṭīyyah, *Abhā al-Murād, fī Sharḥ Mu'tamar 'Ulamā' Baghdād* (Beirut: Mu'assasah al-'Ilamī, 1423H), 2: 136.

¹³ Šāliḥ al-Wirdānī, *Ahl al-Sunnah Sha'b Allāh al-Mukhtār: Dirāsah fī Fasād 'Aqā'id Ahl al-Sunnah* (Kaherah: Maktabah Mabdūli al-Ṣaghīr, 1996), 13.

Jelasnya, akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah digagaskan dan berkembang menerusi lima peringkat. Pertama, Aḥmad bin Ḥanbal; kedua, Ashā'irah dan Mātūrīdiyyah; ketiga, Ḥanābilah; dan keempat, Ibn Taimiyyah. Bahkan kitab-kitab yang dikarang bagi mendukung Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah lebih bersifat menjawab aliran-aliran lain yang bertentangan dengan mereka. Ini menunjukkan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah itu adalah perkara baharu yang datang kemudian dan bersifat *ijtihādī*, bukan disyariatkan atau dinaskan secara muktamad.¹⁴

Al-Tījānī pula mengatakan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah hanya digagaskan sebagai kontra kepada aliran 'Alī dan pengikutnya. Ia dianggap sebagai punca utama terbahaginya umat Islam kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan Syiah selepas kewafatan Nabi SAW. Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah langsung tidak berpegang dengan *walā* terhadap para wali Allah SWT dan *barā'* daripada para musuh Allah SWT. Bahkan menyatakan kesetiaan, kasih sayang dan keredaan terhadap semua para sahabat termasuk Mu'āwiyah bin Abī Sufyān dan 'Alī bin Abī Ṭālib. Jika penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah mengetahui bahawa 'Alī itu sebenarnya adalah pintu masuk kepada *al-Sunnah al-Nabawiyah*, sudah tentu mereka akan merujuk kembali fahaman mereka.¹⁵

Dalam karya lain, al-Tījānī mengatakan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah telah bersepakat bahawa istilah Ahl al-Sunnah hanya bermula selepas Mu'āwiyah menjadi khalifah pada *Am al-Jamā'ah*. Ini kerana, selepas kematian 'Uthmān, umat Islam terbahagi kepada pengikut 'Alī dan pengikut Mu'āwiyah. Namun demikian, setelah usaha perdamaian dilakukan antara Ḥasan dan Mu'āwiyah, Mu'āwiyah akhirnya dilantik sebagai khalifah dan sejourus

¹⁴ *Ibid.*, 19-20.

¹⁵ Muḥammad al-Tījānī, *al-Shī'ah Hum Ahl al-Sunnah* (Qom: Markaz al-Abḥāth al-'Aqā'idīyyah, 1427H), 27.

kemudian istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah menjadi masyhur. Ini menunjukkan, istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah merujuk kepada pengikut Mu'āwiyah dan bukan merujuk kepada pengikut Sunnah Nabi SAW.¹⁶

c. Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah Mazhab *Nawāṣib*

Berdasarkan perbincangan di atas, ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah cenderung memandang Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai mazhab yang diasaskan oleh Mu'āwiyah. Justeru, ia menjadikan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai kelompok yang sangat ditentang oleh Syiah. Ini kerana, Mu'āwiyah dan kerajaan Banī Umayyah dikategorikan oleh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sebagai golongan *nawāṣib*.¹⁷ Walau bagaimanapun, para ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah berselisih pendapat dalam menyandarkan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah kepada *nawāṣib*.

Pendapat pertama mengatakan, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah itu bukan *nawāṣib*, namun terdapat dalam kalangan tokoh-tokoh Ahl al-Sunnah yang terjebak dengan perbuatan golongan *nawāṣib*.¹⁸ Manakala pendapat kedua pula mengatakan kesemua Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah itu *nawāṣib*.¹⁹ Ni'mah Allāh al-Jazā'iri mengatakan, termasuk dalam golongan *nawāṣib* mereka yang mendahului orang lain sebagai imam (khalifah) selain 'Alī. Takrifan ini

¹⁶ Muḥammad al-Tījānī, *Thumm Ihdāyatu* (London: Mu'assasah al-Fajar, 1991) 204.

¹⁷ Muḥsin al-Mu'allim, *al-Naṣb wa al-Nawāṣib* (Beirut: Dār al-Hudā, 1997), 249; *Nawāṣib* adalah kata jamak daripada perkataan *nāṣib* yang bermaksud orang yang menzahirkan permusuhan terhadap 'Alī, ahli keluarganya dan para imam selepas 'Alī dengan mencela mereka, benci untuk menyebut kelebihan mereka atau perbuatan yang seumpama dengannya. Lihat Fakhr al-Dīn Ṭarīḥī, *Majma' al-Baḥrayn* (Tehran: Murtaḍawī, 1416H), 2: 173-174; 'Alī 'Alī Muḥsin, *Li Allāh wa li al-Ḥaqqīqah* (Tehran: Mash'ar, 1382H), 410.

¹⁸ Badr bin Nāṣir al-'Awwād, *al-Naṣb wa al-Nawāṣib* (Riyāḍ: Maktabah Dār al-Minhāj, 1433H), 94.

¹⁹ *Ibid.*, 95.

disokong dengan perkataan para imam Ahl al-Bayt yang menggelarkan Abū Ḥanīfah dan seumpamanya sebagai *nāṣibī* walaupun Abū Ḥanīfah dikenali sebagai orang yang menyayangi Ahl al-Bayt dan tidak memusuhi mereka.²⁰ Āli 'Uṣfūr menyokong pendapat ini dengan menegaskan riwayat-riwayat para imam Ahl al-Bayt menunjukkan *nawāṣib* itu adalah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah tanpa dapat dipertikaikan lagi.²¹

Pendapat kedua yang memasukkan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai kelompok *nawāṣib* dilihat lebih konsisten di sisi Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah. Walaupun terdapat sesetengah riwayat Syiah yang menunjukkan penerimaan terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dalam ibadat dan pergaulan, namun itu sekadar untuk bertaqiyah. Antaranya apa yang diriwayatkan daripada Ismā'īl al-Ju'fī yang bertanya kepada Abū Ja'far, Muḥammad al-Bāqir (Imam kelima):

“Seorang lelaki mencintai Amīr al-Mu'minīn ('Alī), tetapi tidak berlepas diri daripada musuhnya dengan berkata: Dia ('Alī) lebih aku cintai berbanding yang menyelisihinya. Al-Bāqir menjawab: Ini kekeliruan, dia adalah musuh, jangan kamu solat di belakangnya, tiada penghormatan (untuknya) kecuali kamu bertaqiyah dengannya.”²²

²⁰ Ni'mah Allāh al-Jazā'irī, *al-Anwār al-Nu'māniyyah* (Beirut: Dār al-Qāri', 2008), 2: 211.

²¹ Ḥusayn bin Muḥammad Āli 'Uṣfūr, *al-Mahāsin al-Nafsāniyyah fī Ajwibah al-Masā'il al-Khurasāniyyah* (Beirut: Dār al-Mashriq al-'Arabī al-Kabīr, 1979), 147.

²² 'Alī bin al-Ḥusayn Ibn Bābawayh, *Man lā Yaḥḍuruh al-Faqīh* (Qom: M u'assasah al-Nashr al-Islāmī, 1413H), 1: 380; Muḥammad bin al-Ḥasan al-Ṭūsī, *Tahdhīb al-Aḥkām* (Tehran: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1407H), 3: 28; Muḥammad bin Ḥasan al-Ḥurr al-'Āmilī, *Tafṣīl Wasā'il al-Shī'ah ilā Tahṣīl Masā'il al-Sharī'ah* (Qom: Mu'assasah Ahl al-Bayt li Iḥyā al-Turāth, 1409H), 8: 309.

Selain itu terdapat riwayat yang masyhur mengatakan *naṣībī* itu bukan sahaja mereka yang memarahi 'Alī tetapi juga mereka yang membenci pihak yang mendukung 'Alī. Ia sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ja'far al-Ṣādiq (Imam Keenam):

"Bukanlah *nāṣībī* itu orang yang memarahi kami Ahl al-Bayt kerana sesungguhnya kamu tidak akan bertemu orang yang mengatakan: Aku memarahi Muhammad dan keluarga Muhammad. Akan tetapi *nāṣībī* itu adalah orang yang memarahi kamu sedangkan dia mengetahui sesungguhnya kamu berwalak kepada kami dan sesungguhnya kamu adalah pengikut kami."²³

Berdasarkan riwayat sebegini, sebahagian ulama Syiah Imāmiyyah seperti al-Khājū'ī mengatakan sesiapa yang tidak mengakui keimaman para imam Ahl al-Bayt seperti yang dianuti oleh Syiah Imāmiyyah, ia termasuk ke dalam golongan *nawāṣīb*.²⁴

d. Mazhab majoriti bukan hujah

Khair Izzah mempertikaikan hujah yang menggunakan kaedah kelompok majoriti itu sentiasa benar. Beliau membawakan beberapa ayat al-Qur'an yang menunjukkan bahawa kumpulan yang ramai itu kebiasaannya paling banyak melakukan kerosakan dan kefasadan seperti yang terkandung dalam surah al-An'ām ayat 116 dan 119, surah Yūnus ayat 36, surah al-Furqān ayat 44, surah al-A'rāf ayat

²³ Muḥammad bin 'Alī bin Bābawayh, *Thawāb al-A'māl wa 'Iqāb al-A'māl* (Qom: Dār al-Sharīf al-Riḍā, 1406H), 207; Muḥammad bin Murtaḍā al-Kāshānī, *al-Wāfi* (Asfahān: Maktabah al-Imām Amīr al-Mu'minin 'Alī'alayh al-salām, 1406H), 2: 230; al-'Āmilī, *Wasā'il al-Shi'ah*, 9: 486; Muḥammad Bāqir al-Majlisī, *Biḥār al-Anwār al-Jāmi'ah lidurar Akhbār al-A'imma al-Aṭḥār* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1403H), 8: 369; Ṭarīḥī, *Majma' al-Baḥrayn*, 2: 174.

²⁴ Muḥammad bin Ismā'īl al-Khājū'ī, *al-Rasā'il al-Fiḥriyyah* (Qom: Dār al-Kutub al-Islāmī, 1411H), 2: 100.

102 dan surah Ṣād ayat 24. Sebaliknya Allah SWT sering merujuk kumpulan yang benar-benar beriman itu sebagai kumpulan minoriti seperti yang terkandung dalam surah Nūḥ ayat 40, surah Saba' ayat 13 dan surah Ṣād ayat 24. Justeru, bilangan tidak penting dalam menilai kebenaran sesuatu ajaran.²⁵ Dengan kerangka pemikiran yang sama, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah menolak hadis masyhur yang mengatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "*Hendaklah kamu bersama dengan kehormatan yang besar (majoriti umat).*"²⁶

Menurut al-Najafī, hadis ini langsung tidak boleh dijadikan hujah memandangkan ia hanya bersifat *zannī* atau andaian sedangkan dalam surah Yūnus ayat 36, Allah SWT berfirman, "*Sesungguhnya zann (persangkaan) itu tidak sedikit pun berguna untuk mencapai kebenaran...*" Hadis itu juga bertentangan dengan surah Āli 'Imrān ayat 144, "*Adakah jika dia (Rasulullah SAW) wafat atau dibunuh kamu berbalik semula ke belakang (murtad)?*", yang menunjukkan bahawa majoriti umat Islam akan kembali semula kepada sepertimana zaman jahiliyyah mereka selepas kewafatan Rasulullah SAW.²⁷

Begitu juga hadis *al-Hawḍ* yang menggambarkan majoriti sahabat telah murtad selepas kewafatan Rasulullah SAW sehingga tidak dibenarkan meminum air telaga *al-Kawthar* yang disediakan untuk umat Nabi SAW di akhirat kelak. Di samping itu, banyak ayat al-Qur'an yang mengisahkan sedikitnya umat terdahulu yang beriman kepada para nabi yang diutuskan, sebaliknya majoriti terus berada dalam kekufuran dan kesesatan.²⁸ Qāḍī Nūr Allāh

²⁵ Khair Izzah, *Meniti Titian Kebenaran*, 13-16.

²⁶ Hadis riwayat Ibn Mājah, Kitāb al-Fitan, Bāb al-Sawād al-A'zam, no. hadis: 3950. Lihat Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Mājah* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t), 2: 1303.

²⁷ Muḥammad Ḥasan al-Muzaffar al-Najafī, *Dalā'il al-Ṣidq li Nahj al-Ḥaq* (Qom: Mu'assasah Āl al-Bayt, 1422H), 3: 201-202.

²⁸ *Ibid.*

pula mengatakan *al-sawād al-a'zam* bukan bermaksud majoriti umat seperti yang difahami oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, sebaliknya ia bererti apa yang ditinggalkan oleh Nabi SAW kepada umatnya berupa al-Qur'an dan ahli keluarga Baginda (Ahl al-Bayt).²⁹

Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah turut berpandangan, isu majoriti tidak boleh dijadikan hujah kerana ia tidak konsisten dengan apa yang berlaku pada zaman para sahabat sendiri. Ini kerana, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah menerima pelantikan Abū Bakr sebagai khalifah atas dasar ia disokong majoriti para sahabat, namun dalam kes pembunuhan 'Uthmān yang disokong oleh majoriti sahabat, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah tidak pula menolak 'Uthmān sebaliknya tetap meletakkan 'Uthmān pada kedudukan yang tinggi. Kerana itu, Allah SWT tidak pernah menjadikan majoriti sebagai penilaian terhadap kebenaran. Malah, golongan Bani Israel secara majoritinya telah mengingkari Nabi Hārūn dan menyembah patung anak lembu ketika ketiadaan Nabi Mūsā.

Hal ini juga akan terjadi kepada umat Nabi Muhammad SAW sebagaimana sabda Baginda, "*Akan berlaku pada umat ini apa yang berlaku pada umat terdahulu umpama selipar dengan selipar (persamaan yang tidak berbeza sama sekali).*" Justeru, dalam al-Qur'an Allah SWT banyak memuji golongan yang sedikit berbanding dengan golongan yang majoriti tetapi ingkar dan melanggar perintah-Nya sepertimana firman Allah SWT dalam surah Saba' ayat 13, "*Dan amat sedikit daripada kalangan hamba-Ku yang bersyukur.*"³⁰

Walau bagaimanapun, mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah terus berkembang hasil daripada campur tangan politik pemerintah sebagaimana pendapat Sayyid Murtaḍa

²⁹ Qāḍī Nūr Allāh al-Mar'ashī, *Iḥqāq al-Haq wa Izhāq al-Bāṭil* (Qom: Maktabah Āyat Allāh al-Mar'ashī al-Najafī, 1409H), 2: 61-62.

³⁰ Sayyid 'Abd Allāh Shibr, *Haq al-Yaqīn fī Ma'rifah Uṣūl al-Dīn* (Qom: Anwār al-Hudā, 1424H), 266.

al-‘Askarī. Ini kerana, majoriti para pemerintah, apabila melihat sesuatu perkara itu menepati kepentingan politik mereka, maka ia akan diperakukan. Sumber pertama yang dieksploitasikan adalah al-Qur’an agar menepati kepentingan mereka. Kedua, hadis-hadis yang mendukung fahaman mereka. Kemudian, apa yang dianut oleh pemerintah akan menjadi undang-undang yang dipraktikkan secara rasmi di dalam negara. Apa jua yang menyalahinya akan disekat dan dihukum dengan keras termasuk hukuman mati. Akhirnya pemerintah akan memaksa supaya umat mengambil fatwa-fatwa daripada mazhab empat dalam fiqah dan pandangan-pandangan al-Ash‘arī dalam akidah.³¹

Pandangan yang sama diketengahkan oleh Faisal Tehrani dalam novel provokatifnya. Beliau menyelitkan mesej yang mengandungi elemen menyeru kepada penentangan terhadap pemerintah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sedia ada menerusi slogan “revolusi kebudayaan”. Revolusi tersebut mengajak umat Islam kembali kepada pedoman Ahl al-Bayt menurut fahaman Syiah Imāmiyyah Ithnā ‘Ashariyyah.³² Beliau menyeru supaya menentang penubuhan institusi atau agensi yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal agama secara rasmi. Ia didakwa menyempitkan pengertian agama kepada kelompok tertentu sahaja sedangkan yang lain dianggap salah dan perlu disekat.

Penginstitutionian juga mendorong agama menjadi hak milik manusia dalam mentafsirkan al-Qur’an dan al-Sunnah menurut aliran sendiri.³³ Penggunaan hujah *sadd al-dharā‘i‘* dan *al-akhdh bi al-aḥwaḥ* juga dibidas kerana ia sekadar alasan pemerintah untuk menghalalkan tindakan mereka. Walhal tujuan sebenar adalah untuk memaksakan

³¹ Ṣāliḥ al-Wirdānī, *al-Shi‘ah fī Miṣr: Min al-Imām ‘Alī ḥattā al-Imām al-Khumaynī* (Kaherah: Maktabah Madbūlī al-Ṣaghīr, 1993), 12.

³² Faisal Tehrani, *Perempuan Nan Bercinta*, 112.

³³ *Ibid.*, 179-180.

satu mazhab sahaja diamalkan bagi memastikan kedudukan mereka tidak tergugat.³⁴

Kesimpulannya, karya-karya Syiah berbahasa Melayu berpendapat Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai mazhab yang wujud terkemudian dan jauh sekali perkaitannya dengan Rasulullah SAW dan sunnahnya. Paling awal kemunculan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah disebut berlaku pada zaman Mu'āwiyah dan selewatnya pada zaman Abū al-Ḥasan al-Ash'arī. Sebagaimana yang disifatkan oleh al-Ḥillī, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah adalah mazhab baharu yang terputus daripada Rasulullah SAW dan para sahabat. Ini kerana, mereka menerima pakai *qiyās* dan penggunaan akal, lalu memasukkan ke dalam agama Allah apa yang bukan daripadanya, menyelewengkan hukum-hakam syariah dan mencipta mazhab empat yang tidak pernah wujud pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat.³⁵

Perbandingan Antara Keaslian Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan Syiah

Pendirian Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang menolak keaslian mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah merupakan suatu persepsi yang sengaja diada-adakan. Mereka bersikap tidak adil dalam menilai asal usul kemunculan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Penekanan seharusnya diberikan kepada aspek manhaj atau metodologi dan bukan semata-mata kepada tokoh dan istilah yang merujuk kepada aliran tersebut. Sementara kemunculan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sendiri tidak memiliki asas yang kukuh pada zaman Rasulullah SAW. Menurut al-Musawī, bibit-bibit kemunculan Syiah

³⁴ *Ibid.*, 384.

³⁵ Beliau adalah Jamāl al-Dīn al-Ḥasan bin Yūsuf bin 'Alī bin al-Muṭahhir al-Ḥillī. Seorang ulama fiqah dan *mutakallim* Syiah Imāmiyyah pada kurun ke-7 hijrah. Meninggal dunia pada tahun 726H. Lihat Khayr al-Dīn al-Zirkilī, *al-A'lām* (Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, 1992), 2: 227; al-Ḥasan bin 'Alī al-Ḥillī, *al-Rijāl* (Najaf: Manshūrāt al-Maṭba'ah al-Ḥaydariyyah, 1972), 78.

hanya bermula selepas kewafatan Rasulullah SAW ketika umat Islam saling mencadangkan pengganti Rasulullah SAW sebagai khalifah.³⁶

Malah al-Musawī mengatakan, Syiah dengan kepercayaan-kepercayaan yang pelik seperti dakwaan pelantikan 'Alī dengan nas, pelanggaran para sahabat terhadap nas kecuali beberapa orang dan doktrin *imāmāh* sebagai pelengkap rukun Islam, hanya timbul selepas berlaku keghaiban besar al-Mahdī pada tahun 329 Hijrah.³⁷ Hal ini juga diperakui oleh salah seorang tokoh Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah, Āl al-Kāshif al-Ghitā' yang berpandangan, tiada keperluan untuk Syiah menzahirkan diri sejurus selepas kewafatan Rasulullah SAW kerana umat Islam masih berada di atas manhaj yang lurus sehingga terjadi perang Şifīn antara 'Alī dan Mu'āwiyah.³⁸ Jika selepas kewafatan Rasulullah SAW pun tiada keperluan untuk Syiah menzahirkan diri, apa lagi sebelum kewafatan Rasulullah SAW. Menunjukkan Syiah itu sememangnya suatu ajaran baharu yang dicipta kemudian.

Dengan demikian, ramai sarjana yang berteori bahawa peristiwa perang Şifīn menjadi punca kepada kelahiran kumpulan Syiah. Menurut Ihsān Ilāhī Zāhir, pandangan ini dipegang oleh Ibn Ḥazm dan Aḥmad Amīn serta beberapa penulis Syiah seperti al-Khawansārī di dalam kitabnya *Rawḍāt al-Jannāt*³⁹. Pandangan ini lebih tepat memandangkan selepas perang Şifīn, kumpulan Khawārij

³⁶ Mūsā al-Musawī, *al-Shī'ah wa al-Taṣḥīḥ: al-Şirā' bayn al-Shī'ah wa al-Taṣḥayyu'* ('Ammān: Dār 'Ammār, 1998), 11-12.

³⁷ *Ibid.*, 14-15.

³⁸ Muḥammad al-Ḥusayn Āl al-Kāshif al-Ghitā', *Aṣl al-Shī'ah wa Uṣūluha: Muqāranah ma' al-Madhāhib al-Arba'ah* (Beirut: Dār al-Aḍwā', 1990), 124.

³⁹ Ihsān Ilāhī Zāhir, *al-Shī'ah wa al-Taṣḥayyu'* (Lahore: Dar Tarjuman al-Sunnah, 1984), 13; Abū Muḥammad bin Ḥazm, *al-Fiṣal fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal* (Kaherah: Maktabah al-Khānjī, t.t), 4: 79; Aḥmad Amīn, *Fajr al-Islām* (Kaherah: Maktabah al-Nahḍah, 1965), 266.

telah keluar daripada mentaati 'Alī dan membina gerakan mereka sendiri di Nahrawān. Sebagai tindak balas kepada kumpulan Khawārij, penyokong 'Alī semakin berkembang dari semasa ke semasa sehingga membentuk satu fahaman politik. Bermula dari sini, Syiah berpindah menjadi sebuah kumpulan yang melampau dan fanatik terhadap 'Alī sehingga ke peringkat mencela, mengkafirkan dan berlepas diri daripada para sahabat r.a.h kecuali beberapa orang seperti Salmān al-Fārisī, Abū Dhar, al-Miqdād, 'Ammār bin Yāsir dan Ḥudhayfah r.a.⁴⁰

Pertikaian yang lebih mendasar apabila ia melibatkan keabsahan dua belas orang imam yang menjadi asas kepada mazhab Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sendiri. Wujud keraguan terhadap kelahiran imam kedua belas Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang sekaligus boleh menafikan keaslian mazhab tersebut. Sebahagian karya Syiah memperakui bahawa imam yang kesebelas, iaitu al-Ḥasan al-'Askarī merupakan seorang yang mandul. Dirwayatkan ketika kematian beliau pada tahun 260 Hijrah, kaum kerabatnya telah memeriksa sama ada terdapat dalam kalangan isteri atau hamba sahayanya yang mengandung. Namun, tiada seorang pun yang mengandung menyebabkan harta pusaka beliau dibahagikan kepada ibu dan saudara lelakinya, Ja'far. Pihak khalifah juga telah menghantar wakil ke rumah al-Ḥasan al-'Askarī untuk menyiasat isteri-isteri atau hamba-hamba sahayanya, namun didapati beliau langsung tidak memiliki anak.⁴¹

Salah seorang tokoh besar Syiah, al-Mufīd mengatakan al-Ḥasan tidak memiliki seorang pun anak

⁴⁰ Ghālib bin 'Alī 'Awwājī, *Firaq Mu'āsirat Tantasib Ilā al-Islām wa Bayān Mawqif al-Islām minhā* (Jeddah : al-Maktabah al-'Ašriyyah al-Dhahabiyah, 2001), 1: 311-312.

⁴¹ Muḥammad bin Ya'qūb al-Kulaynī, *al-Kāfī* (Qom: Dār al-Ḥadīth, 1429H), 1: 505; al-Kāshānī, *al-Wāfī*, 3: 846; al-Baḥrānī, *Ḥilyah al-Abrār*, 6: 97.

sewaktu hayat mahupun setelah kematiannya.⁴² Hal yang sama turut dinukilkan oleh al-Nawbakhtī ketika menghuraikan mengenai pecahan-pecahan kumpulan Syiah. Menurut beliau, selepas kematian al-Ḥasan bin 'Alī, Syiah Imāmiyyah berpecah kepada tiga belas kumpulan. Daripada tiga belas kumpulan tersebut, hanya tiga kumpulan yang berpendapat bahawa al-Ḥasan ada meninggalkan zuriat selepas kematiannya.⁴³ Fakta-fakta di atas menunjukkan bilangan para imam Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah tidak mencapai dua belas orang secara muktamad. Ini kerana, imam yang kedua belas dipertikaikan kewujudannya oleh sebahagian besar penganut Syiah Imāmiyyah sendiri. Implikasinya, keaslian Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sebagai sebuah mazhab yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW dalam hadis dua belas khalifah boleh diragui.⁴⁴

Dalam masa yang sama, doktrin pegangan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah didapati lebih hampir kepada doktrin yang pertama kali diperkenalkan oleh kelompok Saba'iyyah pada zaman 'Alī menjadi khalifah. Saba'iyyah merupakan kumpulan Syiah pertama yang diasaskan oleh 'Abd Allāh bin Saba'.⁴⁵ Kewujudan Ibn Saba' disebut dan diperakui oleh para ulama Syiah sendiri. Antaranya al-Qummī dan al-Nawbakhtī yang berpendapat bahawa Ibn Saba' merupakan orang terawal yang mendakwa 'Alī sebagai *waṣī* kepada Nabi SAW.

⁴² Al-Mufīd, *al-Irshād*, 2: 336; 'Alī bin 'Īsā al-Irbilī, *Kashf al-Ghummah* (Beirut: Dār al-Aḍwā', 1985), 3: 211.

⁴³ Al-Ḥasan bin Mūsā Nawbakhtī, *Firaq al-Shī'ah* (Istanbul: Maṭba'ah al-Dawlah, 1931), 79-93.

⁴⁴ Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Aḥkām, Bāb al-Istikhlāf, no. hadis: 6796. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar* (Beirut: Ibn Kathīr, 1987), 6: 2640; Muslim, Kitāb al-Imārah, Bāb al-Istikhlāf wa Tarkuh, no. hadis: 1821. Lihat Muslim bin al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.), 3: 1452.

⁴⁵ Muḥammad bin 'Abd al-Karīm al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Niḥal* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1404h), 1: 174.

Doktrin tersebut diambil ketika beliau masih beragama Yahudi yang mempercayai Yushā' bin Nūn adalah *wasi* kepada Nabi Mūsā a.s. Ibn Saba' juga orang pertama yang menzahirkan cacian terhadap Abū Bakr, 'Umar dan 'Uthmān serta berlepas diri daripada mereka sambil mendakwa ia diarahkan oleh 'Alī. Ketika mendengar kematian 'Alī, Ibn Saba' mendakwa beliau belum meninggal dunia sebaliknya akan kembali semula pada suatu masa nanti.⁴⁶ Kesemua doktrin tersebut memiliki banyak persamaan pada asasnya dengan pegangan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang percaya terhadap pelantikan 'Alī secara nas dan wasiat, *raj'ah* atau kembalinya para imam ke dunia dan penolakan terhadap majoriti sahabat. Jika sedemikian, bagaimana mungkin untuk mengaitkan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sebagai mazhab yang berasal daripada Ahl al-Bayt?

Dakwaan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai Mazhab Baharu

Dakwaan Khair Izzah dan Faisal Tehrani bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah hanya wujud selepas kemunculan Abū al-Ḥasan al-Ash'arī merupakan suatu kesalahfahaman. Ini kerana, terdapat tiga perbincangan yang perlu difahami dalam membahaskan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Pertama, sandaran syarak terhadap istilah al-Sunnah dan al-Jamā'ah. Kedua, awal penggunaan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Ketiga, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai sebuah mazhab akidah dan fiqh.

i. Sandaran Istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah Menurut Syarak

Berkenaan istilah al-Sunnah dan al-Jamā'ah, ia sabit berdasarkan nas syarak yang banyak. Bagi istilah al-Sunnah, Rasulullah SAW pernah mengungkapkannya

⁴⁶ Sa'd bin 'Abd Allāh al-Qummī, *al-Maqālāt wa al-Firaq* (Tehran: Maṭba'ah Ḥaydarī, 1963), 20; al-Nawbakhtī, *Firaq al-Shī'ah*, 22.

dengan makna wahyu yang selain daripada al-Qur'an. Baginda SAW bersabda:

"يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي قَدْ تَرَكْتُ فِيكُمْ مَا إِنْ اعْتَصَمْتُمْ بِهِ فَلَنْ تَضِلُّوا أَبَدًا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ."

Terjemahan:

“Wahai sekalian manusia, sesungguhnya aku telah tinggalkan buat kamu (dua perkara) selagimana kamu berpegang dengannya, maka kamu tidak akan sesat selama-lamanya, iaitu Kitabullah dan sunnah Nabi-Nya.”⁴⁷

Istilah al-Sunnah juga digunakan untuk merujuk kepada perkara yang mempunyai dalil syarak, sama ada daripada al-Qur'an mahupun sunnah Rasulullah SAW dan ijthihad para sahabat. Antaranya sabda Baginda SAW:

"فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ."

Terjemahan:

“Hendaklah kamu mengikuti sunnahku dan sunnah para Khulafā’ al-Rāshidīn al-Mahdiyyīn.”⁴⁸

⁴⁷ Hadis riwayat al-Bayhaqī, Kitāb Ādāb al-Qāḍī, Bāb Mā Yaḍī bin al-Qāḍī wa Yuftī bih al-Muftī..., no. hadis: 20123. Lihat Abū Bakr al-Bayhaqī, *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā* (Makkah al-Mukarramah: Maktabah Dār al-Bāz, 1994), 10: 114; hadis Mālik bin Anas, Kitāb al-Qadr, Bāb al-Nahy ‘an al-Qawl bi al-Qadr, no. hadis: 1594. Lihat *al-Muwatta’* (Mesir: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t), 2: 899. Menurut Ibn ‘Abd al-Barr, hadis ini terpelihara, dimaklumi dan masyhur dalam kalangan ahli ilmu sehingga ia hampir tidak perlu kepada sanad. Lihat Yūsuf bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Barr, *al-Tamhīd fī al-Muwatta’ min al-Ma’ānī wa al-Asānīd* (Maghrib: Wizārah ‘Umūm al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah, 1387H), 24: 331.

⁴⁸ Hadis riwayat al-Tirmidhī, Kitāb al-‘Ilm ‘an Rasūlillāh, Bāb Mā Jā’ fī al-Akhdh bi al-Sunnah wa Ijtināb al-Bida’, no. hadis: 2676. Lihat Muḥammad bin ‘Īsā, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t), 5: 44. Al-Tirmidhī mengatakan hadis ini *ḥasan ṣaḥīḥ*.

Pada ketika yang lain, al-Sunnah diucapkan oleh Rasulullah SAW bagi menyerlahkan maksud lawan kepada bid'ah yang dilarang. Antaranya hadis yang menegah tiga orang sahabat yang berhasrat untuk bersolat sepanjang malam, berpuasa sepanjang tahun dan menegah diri daripada berkahwin. Baginda SAW lalu bersabda:

"أَمَّا وَاللَّهِ إِنِّي لَأَخْشَاكُمْ لِلَّهِ وَأَتَّقَاكُمْ لَهُ لِكَيْيَ أَصُومُ وَأُفْطِرُ وَأُصَلِّي وَأَرْفُدُ وَأَتَزَوَّجُ النِّسَاءَ فَمَنْ رَغِبَ عَن سُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي."

Terjemahan:

"Adapun demi Allah, sesungguhnya aku orang yang paling takut kepada Allah dalam kalangan kamu, paling bertaqwa dalam kalangan kamu kepada-Nya, namun begitu, aku berpuasa dan berbuka, bersolat dan tidur dan mengahwini wanita. Maka sesiapa yang membenci sunnahku, ia bukan daripada kalnganku."⁴⁹

Demikian juga hadis Rasulullah SAW mengenai golongan yang menunggu bintang-bintang muncul sebagai waktu berbuka puasa⁵⁰ menerusi sabdanya:

"لَا تَزَالُ أُمَّتِي عَلَى سُنَّتِي مَا لَمْ تَنْتَظِرْ بِفِطْرِهَا النُّجُومَ."

Terjemahan:

"Umatku sentiasa berpegang dengan sunnahku selagi mana ia tidak menunggu bintang-bintang keluar untuk membuka puasanya."⁵¹

⁴⁹ Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Targhīb fī al-Nikāḥ, no. hadis: 4776. Lihat *al-Jāmi' al-Sahīḥ al-Mukhtaṣar*, 5: 1949.

⁵⁰ Menurut Ibn Daqīq al-‘Īd, hadis ini menjadi dalil penolakan terhadap fahaman Shi‘ah yang melewati waktu berbuka puasa sehingga munculnya bintang-bintang. Lihat Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār Ma‘rifah, t.t), 4: 199.

⁵¹ Hadis riwayat Ibn Ḥibbān, Zikr al-Khabar al-Mudḥiḍ Qawl Man Abṭal Murā‘ah al-Awqāt li Adā’ al-Ṭā‘āt bi al-Ḥiyal wa al-Asbāb, no. hadis: 3510. Lihat Muḥammad bin Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ ibn Ḥibbān bi tartīb Ibn Balbān* (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1993), 8: 277.

Berpandukan dalil-dalil tersebut, jelas menunjukkan perkataan al-Sunnah bukan istilah yang datang kemudian, sebaliknya ia bersumberkan lisan Rasulullah SAW sendiri. Walaupun istilah tersebut tidak terkandung dalam al-Qur'an, namun begitu, terdapat konotasi al-Sunnah yang jelas dalam setiap ayat yang merujuk kepada perintah mengikuti Rasulullah SAW sama ada berbentuk suruhan ataupun larangan. Antaranya, firman Allah SWT dalam surah al-Ḥashr ayat 7:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Terjemahan:

“Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (SAW) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarang-Nya kamu melakukannya maka patuhilah larangan-Nya, dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya (bagi orang yang melanggar perintah-Nya).”

Adapun istilah al-Jamā'ah, ia kerap kali digunakan oleh Rasulullah SAW dalam hadis-hadis Baginda. Hadis yang paling masyhur adalah sabda Baginda:

“وَإِنَّ هَذِهِ الْأُمَّةَ سَتَقْتَرُ عَلَى ثَلَاثِ وَسَبْعِينَ مِائَةً يَغْنِي الْأَهْوَاءَ كُلُّهَا فِي النَّارِ إِلَّا وَاحِدَةً وَهِيَ الْجَمَاعَةُ.”

Terjemahan:

“Dan sesungguhnya umat ini akan berpecah kepada tujuh puluh tiga golongan (mengikut hawa nafsu), semuanya di dalam neraka kecuali satu iaitu al-Jamā'ah.”⁵²

⁵² Hadis riwayat Ibn Mājah, Kitāb al-Fitan, Bāb Iftirāq al-Ummah, no. hadis: 3993. Lihat *Sunan Ibn Mājah*, 2: 1322: Aḥmad, Musnad al-

Berdasarkan hadis ini dan beberapa hadis lain, para ulama telah menjelaskan siapakah golongan yang dimaksudkan dengan al-Jamā'ah tersebut. Menurut al-Shāṭibī, pada umumnya pendapat para ulama mengenai al-Jamā'ah berkisar kepada beberapa pengertian. Pertama, ia bererti golongan majoriti dalam kalangan umat Islam yang terdiri daripada imam mujtahid, para ulama dan ahli syariah dan umat yang mengikuti mereka. Sebahagian hadis menyebut mereka sebagai *al-sawād al-a'zam*. Kedua, kumpulan para ulama mujtahid. Ketiga, para sahabat Rasulullah SAW. Keempat, umat Islam yang bersepakat atau berijmak atas sesuatu perkara. Ia juga kembali kepada golongan pertama atau kedua. Kelima, umat Islam yang bersatu mentaati seorang pemimpin.⁵³

Setelah menukulkan pendapat-pendapat tersebut, beliau merumuskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan al-Jamā'ah adalah merujuk kepada perhimpunan yang bersatu di bawah pemimpin atau imam yang menepati petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah.⁵⁴ Ini jelas menunjukkan bahawa perhimpunan ramai yang bersatu bukan atas dasar kedua-duanya adalah terkeluar daripada apa yang dimaksudkan dengan al-Jamā'ah. Dengan kata lain, seandainya sesebuah kumpulan yang ramai itu tidak berada di atas petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah, maka ia tidak boleh dikategorikan sebagai al-Jamā'ah.

Sebagaimana ungkapan Ibn Mas'ūd, "*Al-Jamā'ah adalah apa yang menepati kebenaran, sekalipun engkau berseorangan.*"⁵⁵ Walau bagaimanapun, ungkapan Ibn

Shāmiyyīn, no. hadis: 16979. Lihat Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad*, (Kaherah: Mu'assasah Qarṭabah, 2011), 4: 102. Shu'ayb al-Arna'ūṭ mengatakan hadis ini *ḥasan* dan ia *ṣaḥīḥ* dengan *shawāhid* yang lain.

⁵³ Abū Ishāq al-Shāṭibī, *al-I'tisām* (Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, t.t), 2: 260-265.

⁵⁴ *Ibid.*, 265.

⁵⁵ Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī Bakr bin Qayyim, *I'lām al-Murwaqqi 'in 'an Rabb al-'Ālamīn* (Beirut: Dār al-Jīl, 1973) 3: 397.

Mas'ūd tersebut dalam konteks sekiranya majoriti umat Islam benar-benar telah rosak dan terkeluar daripada mengikuti manhaj generasi terdahulu yang masih kekal di atas kebenaran.⁵⁶

Hal ini mustahil berlaku apabila melibatkan kesepakatan para ulama mujtahid dalam kalangan umat Muḥammad SAW seperti mana sabda Baginda, "*Umatku tidak akan bersepakat atas kesesatan.*"⁵⁷ Hadis ini menjadi dalil ke atas keautoritian ijmak para ulama sebagai salah satu daripada sumber hukum yang muktabar di sisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.⁵⁸ Justeru, kenyataan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah yang mendakwa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah menjadikan bilangan majoriti semata-mata sebagai hujah kebenaran sesuatu golongan adalah tidak benar. Ini kerana, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah tidak mengambil kira bilangan majoriti sekiranya ia bertentangan dengan petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah dan tidak diwakili oleh para ulama mujtahid.

ii. Awal Penggunaan Istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah

Mengenai penggunaan terawal istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, ia didapati telah wujud sejak zaman para sahabat. Ini terbukti menerusi tafsiran Ibn 'Abbās terhadap surah Āli

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ Hadis riwayat Aḥmad, Musnad al-Qabā'il, no. hadis: 27267. Lihat *Musnad al-Imām Aḥmad*, 6: 396. Shu'ayb al-Arna'ūṭ mengatakan hadis ini *ṣaḥīḥ li ghayrih*; Al-Sakhāwī, selepas membentangkan *ṭuruq* hadis ini berserta sanadnya mengatakan, "*Secara keseluruhan, ia adalah hadis yang masyhur matannya, memiliki sanad yang banyak dan shawāhid yang pelbagai pada (hadis yang) marfū' dan selainnya.*" Lihat Abū al-Khayr al-Sakhāwī, *al-Maqāṣid al-Ḥasanah fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Mushtahah 'alā al-Aṣnāh* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1405H), 717.

⁵⁸ Abū Bakr al-Khaṭīb al-Baghdādī, *al-Faqīh wa al-Mutaḥaqiqh* (Saudi: Dār Ibn al-Jawzī, 1421H), 1: 408-410; Abū Ishāq al-Shirāzī, *al-Luma' fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1985), 89; Mansūr bin Muḥammad al-Sam'ānī, *Qawāṭi' al-Adillah fī al-Uṣūl* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 1: 424.

'Imrān ayat 106, "*(Ingatlah akan) hari (kiamat yang padanya) ada muka (orang-orang) menjadi putih berseri*". Al-Jurjānī (w. 345H)⁵⁹, al-Ājiri (w. 360H)⁶⁰ dan al-Lālikā'ī (w. 418H)⁶¹ menukilkan sanad daripada Ibn 'Abbās bahawa maksud, "*muka (orang-orang) menjadi putih berseri*", adalah penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Ini bererti, orang pertama yang menggunakan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah adalah Ibn 'Abbās, seorang tokoh sahabat yang berketurunan Ahl al-Bayt atau Banī Hāshim.

Penggunaannya juga semakin meluas pada zaman salafussoleh sebelum kemunculan Aḥmad bin Ḥanbal dan Abū al-Ḥasan al-Ash'arī. Antara para ulama salaf yang didapati telah pun menggunakan istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebelum kemunculan Abū al-Ḥasan al-Ash'arī adalah Ayyūb al-Sukhtiyānī (w. 131H). Beliau pernah berkata, "*Aku diberitahu mengenai kematian seorang lelaki dalam kalangan Ahl al-Sunnah, (saat itu) aku merasa seakan-akan kehilangan sebahagian anggota tubuhku.*"⁶² Seorang lagi ulama salaf iaitu Sufyān al-Thawrī (w. 161H) yang pernah dinukilkan perkataannya mengenai Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Beliau berkata, "*Berpesan-pesanlah dengan Ahl al-Sunnah dengan kebaikan, sesungguhnya mereka itu asing.*" Di tempat lain beliau berkata, "*Betapa sedikitnya Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.*"⁶³

⁵⁹ Ḥamzah bin Yūsuf al-Jurjānī, *Tārīkh Jurjān* (Beirut: Ālam al-Kutub, 1981), 132.

⁶⁰ Muḥammad bin al-Ḥusayn al-Ājurri, *al-Sharī'ah* (Riyād: Dār al-Waṭan, 1999), 5: 2562.

⁶¹ Hibah Allāh bin al-Ḥasan al-Lālakā'ī, *Sharḥ Uṣūl I'tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah min al-Kitāb wa al-Sunnah wa Ijmā' al-Ṣaḥābah* (Riyad : Dār al-Tayyibah, 1402H), 1: 72.

⁶² Al-Lālakā'ī, *Sharḥ Uṣūl I'tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, 1: 59-60; Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Miftāḥ al-Jannah fī al-Iḥtijāj bi al-Sunnah* (Madinah: al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah, 1399), 64.

⁶³ *Ibid.*, 64; Shams al-Dīn al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1413H), 7: 273.

Al-Fuḍayl bin 'Iyād (w. 187H) turut menyebut mengenai golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah ketika membuat perbandingan dengan golongan Murji'ah dan Jahmiyyah. Beliau mengatakan, "*Golongan Murji'ah berpendapat iman itu ialah perakuan dengan kata-kata tanpa amalan; Jahmiyyah pula berpendapat iman itu ialah makrifah tanpa perakuan dengan kata-kata dan amalan; manakala Ahl al-Sunnah pula mengatakan iman itu ialah makrifah, perakuan dengan kata-kata dan amalan.*"⁶⁴ Manakala Aḥmad bin Ḥanbal (w. 241H) pula diriwayatkan pernah menegaskan bahawa, "*Ini adalah mazhab ahli ilmu, aṣḥāb al-āthār dan Ahl al-Sunnah yang berpegang teguh kepada al-Sunnah yang dikenali jejak langkahnya dan menjadi ikutan umat bermula daripada para sahabat Nabi SAW hingga ke hari ini.*"⁶⁵

Berdasarkan beberapa ungkapan golongan salaf berkenaan, dapat difahami bahawa istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah telah sedia digunakan sebelum kemunculan Abū al-Ḥasan al-Ash'arī dan Ash'arārah. Tanggapan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah itu hanya bermula dengan kemunculan Abū al-Ḥasan al-Ash'arī adalah tidak benar dan bertujuan menafikan keaslian mazhab tersebut yang berasal-usul daripada Rasulullah SAW dan para sahabat.

⁶⁴ 'Abd Allāh bin Aḥmad, *al-Sunnah* (Dammam: Dār Ibn al-Qayyim, 1406H), 1: 306; Muḥd bin Jarīr al-Ṭabari, *Tahdhīb al-Āthār wa Tafṣīl al-Thābit 'an Rasūl Allāh min al-Akḥbār* (Kaherah: Maṭba'ah al-Madani, t.t), 2: 660; Ḥafīz bin Aḥmad Ḥukmī, *Ma'arij al-Qabūl bi Sharḥ Sullam al-Wuṣūl ilā 'Ilm al-Uṣūl* (Dammam: Dār Ibn al-Qayyim, 1990), 3: 1013.

⁶⁵ Muḥammad bin Abī Ya'lā, *Ṭabaqāt al-Ḥanābilah* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t), 1: 24; Hibbah Allāh Ibn 'Asākir, *Tārīkh Madīnah Dimashq* (Beirut: Dār al-Fikr, 1995), 32: 175.

iii. Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah Sebagai Mazhab Akidah dan Fiqah

Penyandaran istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah terhadap Abū al-Ḥasan al-Ash'arī⁶⁶ bukan bermakna beliau merupakan pengasas Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, sebaliknya ia sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan beliau dalam mempertahankan kesinambungan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagaimana yang dibawa oleh Rasulullah SAW, para sahabat dan salafussoleh daripada segala penyelewengan dan kesesatan. Demikian juga Abū Maṣṣūr al-Māturīdī⁶⁷ dan Māturīdiyyah yang hampir

⁶⁶ Beliau adalah 'Alī bin Ismā'īl bin Ishāq bin Sālīm bin Ismā'īl bin 'Abd Allāh bin Mūsā bin Bilāl bin Abī Burdah bin Abī Mūsā al-Ash'arī. Dilahirkan di Kota Baṣrah pada tahun 260H dan merupakan keturunan yang kesembilan daripada sahabat Nabi SAW iaitu Abū Mūsā al-Ash'arī. Meninggal dunia di Baghdad pada tahun 324H. Beliau dikenali dengan pelbagai jolokan antaranya, *Nāṣir al-Sunnah*, *'Alam al-Dīn*, *Shaykh Ṭarīqah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dan *Imām al-Mutakallimīn*. Lihat Abū Bakr al-Khaṭīb al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdād* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t), 11: 346; Ibn 'Asākir, *Tabyīn Kadhib al-Muftarā fī mā Nusib Ilā Abī al-Ḥasan al-Ash'arī* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1404H), 34-34; 'Abd al-Rahmān bin 'Alī bin al-Jawzī, *al-Muntaẓam fī Tārīkh al-Mulūk wa al-Umam* (Beirut: Dār ṣādīr, 1358H), 14: 29; Ḥamad al-Sinān dan Fawzī al-'Anjarī, *Ahl al-Sunnah al-Ashā'irah, Shahādah 'Ulamā' al-Ummah wa Adillatuhum* (Kuwait: Dār al-Ḍiyā', 1427H), 39.

⁶⁷ Beliau adalah Abū Maṣṣūr Muḥammad bin Muḥammad bin Maḥmūd al-Māturīdī, al-Anṣārī, al-Ḥanafī, al-Samarqandī. Lahir pada tahun 238H dan wafat pada tahun 333H di Samarqand, salah sebuah kota yang terkenal di Asia Tengah. Beliau dikatakan berketurunan sahabat Nabi SAW, Abū Ayyūb Khālīd bin Zayd bin Kulayb al-Anṣārī. Sebagai penghormatan terhadap keilmuannya dalam bidang teologi dan sumbangannya dalam mempertahankan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, beliau dikurniakan beberapa gelaran seperti *'Alam al-Hudā*, *Imām al-Hudā*, *Imām al-Mutakallimīn*, *Muṣaḥḥih 'Aqā'id al-Muslimīn*, *Ra'īs Ahl al-Sunnah*, *Quḍwah Ahl al-Sunnah wa al-Ihtidā'*, *Rāfi' A'lām al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dan *Qāli' Aḍālīl al-Fitnah wa al-Bid'ah*. Lihat Murtaḍā al-Zabīdī, *Tāj al-'Ārūs*, 7: 456; Ismā'īl Bāshā al-Baghdādī, *Hadiyyah al-'Ārifīn Asmā' al-Mu'allifīn wa Athār al-Muṣannifīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1992), 6: 36; Muḥammad 'Amīm al-Iḥsān al-Barkatī, *Qawā'id al-Fiqh* (Karachi:

seiring dengan kemunculan Ashā'irah, turut membawa manhaj yang sama. Kedua-dua tokoh dan kumpulan ini kemudiannya telah menjadi pegangan majoriti umat Islam selepas mereka sehingga apabila disebut istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah secara mutlak, maka mereka yang dimaksudkan adalah golongan Ashā'irah dan Māturīdiyyah.⁶⁸

Menurut Tāj al-Dīn al-Subkī, seluruh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah bersepakat bahawa iktikad mereka adalah satu walaupun berbeza dari sudut pendekatan dan disiplin yang disusun. Mereka boleh dirumuskan kepada tiga kelompok utama. Pertama, *ahl al-ḥadīth* yang prinsip pegangan mereka adalah berteraskan dalil-dalil naqli iaitu al-Qur'an, al-Sunnah dan ijmak. Kedua, *ahl al-naẓar al-'aqlī wa al-ṣinā'ah al-fikriyyah* yang terdiri daripada golongan Ashā'irah pimpinan Abū al-Ḥasan al-Ash'ari dan golongan Māturīdiyyah pimpinan Abū Maṣṣūr al-Māturīdī. Ketiga, *ahl al-wujdān wa al-kashf* yang terdiri daripada golongan sufi yang pada dasarnya turut berpegang kepada prinsip kumpulan pertama dan kedua.⁶⁹

Al-Baghdādī ketika menjelaskan mengenai maksud hadis kumpulan yang selamat (*al-firqah al-nājiyyah*) mengatakan mereka adalah kelompok Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Ia terdiri daripada kedua-dua madrasah ahli *al-ra'y* dan *ahl al-ḥadīth* sama ada daripada kalangan *fuqahā'*, *muhaddithīn*, *qurrā'* dan *mutakallimīn* yang bersepakat di atas prinsip akidah yang sama. Keimanan mereka tidak dicemari dengan pegangan ahli bid'ah seperti golongan Khawārij, Rāfiḍah, Qadariyyah dan keseluruhan pengikut hawa nafsu yang lain. Termasuk dalam kelompok ini adalah jumur umat Islam yang mengikuti imam-imam

al-Ṣadaf Bablasharz, 1986), 197; Abū Maṣṣūr al-Māturīdī, *Kitāb al-Tawhīd (taqdīm muḥaqqiq)* (Beirut: Dār Ṣādir, t.t.), 9.

⁶⁸ Muḥammad Murtaḍā al-Ḥusaynī al-Zabīdī, *Itihāf al-Sādah al-Muttaqīn bi Sharḥ Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* (Beirut: Mu'assasah al-Tārīkh al-'Arabī, 1994), 2: 5.

⁶⁹ *Ibid.*

mazhab fiqah seperti al-Shāfi'ī, Mālik, Abū Ḥanīfah, al-ʿUzā'ī dan lain-lain.⁷⁰

Walau bagaimanapun, mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah menjadi semakin terkenal dengan kemunculan Abū al-Ḥasan al-Ash'arī yang digelar sebagai *Shaykh al-Nazar* dan imam dalam ilmu perbahasan dan *taḥqīq*. Beliau berjaya mematahkan hujah-hujah golongan bid'ah seperti Qadariyyah, Najjāriyyah, Jahmiyyah, Jismiyyah, Rawāfiḍ dan Khawārij. Karya-karya beliau bertebaran ke serata tempat dan menjadi rujukan ramai ulama selepasnya. Di samping itu, beliau dikurniakan dengan pengikut yang ramai sehingga boleh dikatakan keseluruhan ahli hadis dan ahli *al-ra'y* yang tidak terpengaruh dengan Mu'tazilah berada di atas mazhab beliau.⁷¹

iv. Dakwaan Terhadap Kredibiliti Abū al-Ḥasan al-Ash'arī

Mengenai dakwaan Khair Izzah bahawa Abū al-Ḥasan al-Ash'arī tidak memiliki kredibiliti kerana hanya bertaubat daripada fahaman Mu'tazilah pada tahun 310 Hijrah ketika berumur 50 tahun, ia merupakan penyimpangan fakta yang jelas. Ini kerana, guru Mu'tazilah beliau, iaitu Abū 'Alī al-Jubbā'ī dicatatkan dalam karya-karya sejarah meninggal dunia pada tahun 303 Hijrah.⁷² Sedangkan Abū al-Ḥasan al-Ash'arī meninggalkan fahaman Mu'tazilah sebelum kematian gurunya berdasarkan beberapa siri perdebatan yang pernah dinukilkan antara kedua-duanya.⁷³ Ketika al-

⁷⁰ 'Abd al-Qāhir bin Tāhir al-Baghdādī, *al-Farq Bayn al-Firaq* (Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah, 1977), 19-20.

⁷¹ Al-Baghdādī, *Uṣūl al-Dīn* (Istanbul: Maṭba'ah al-Dawlah, 1928), 309-310.

⁷² Shams al-Dīn bin Ibn Khallikān, *Wafīyyat al-A'yān wa Anbā' Abnā' al-Zamān* (Lubnān: Dār al-Thaqāfah, t.t), 4: 267; Abū al-Faḍl al-Hamadānī, *Takmilah Tārīkh al-Ṭabarī* (Beirut: Maṭba'ah al-Kāthūlīkiyyah, 1958), 17; Abū Muḥammad al-Yāfi'ī, *Mir'āh al-Jinān wa 'Ibrah al-Yaqzān* (Kaherah: Dār al-Kitāb al-Islāmī, 1993), 2: 241.

⁷³ Antaranya, perdebatan yang melibatkan isu peletakan nama-nama Allāh SWT. Pada akhir perdebatan tersebut, al-Ash'arī menegaskan

Jubbā'ī meninggal dunia, Abū al-Ḥasan al-Ash'arī berumur 43 tahun. Jika ditolak dengan umur baligh menurut pendapat jumhur ulama iaitu lima belas tahun⁷⁴, bermakna beliau hanya berpegang dengan fahaman Mu'tazilah selama 28 tahun, bukan 40 tahun seperti yang dinukilkan dalam sesetengah riwayat.

Manakala baki umurnya selama 21 tahun dimanfaatkan untuk membantah golongan Mu'tazilah dan ahli bid'ah yang lain. Ibn Fūrak mengatakan, karya-karya beliau yang membela Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah mula tersebar selepas tahun 300 Hijrah sehingga ke tahun 324 Hijrah.⁷⁵ Antaranya adalah karya beliau yang khusus dalam membantah akidah bekas gurunya, al-Jubbā'ī setebal 40 juzuk.⁷⁶ Dalam kitab *al-'Amd fī al-Ru'yah*, beliau menyenaraikan beberapa judul karyanya. Topik yang dibahaskan amat luas, antaranya bantahan terhadap golongan Mulḥidīn (Ateisme), Mushabbihah, Mujassimah, Mu'tazilah, Qadariyyah, Syiah, Hinduisme, Yahudi, Nasrani dan Majusi, perbandingan *firaq Islāmiyyah* dan lain-lain.⁷⁷

Jumlah karya beliau dikatakan melebihi 300 buah.⁷⁸ Dengan apa yang telah dilakukan oleh beliau, ia termasuk

kepada al-Jubbā'ī bahawa manhaj beliau dalam peletakan nama Allah adalah berdasarkan keizinan syarak dan bukan menggunakan *qiyās 'aqlī*. Ini menunjukkan sewaktu perdebatan ini berlaku, al-Ash'arī telah pun berpegang dengan manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Lihat Tāj al-Dīn al-Subkī, *Ṭabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā* (Kaherah: Hajr li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 1413H), 3: 358-359.

⁷⁴ Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah-al-Kuwayt, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah* (Kuwait: Dār al-Salāsīl, 1404H), 8: 192.

⁷⁵ Ibn 'Asākir, *Tabyīn Kadhib al-Muftarā*, (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1404H), 127.

⁷⁶ *Ibid.*, 128.

⁷⁷ *Ibid.*, 128-134.

⁷⁸ *Ibid.*, 136.

dalam kategori mereka yang telah menyatakan taubat,⁷⁹ memperbaiki amalan dan menjelaskan kepada manusia dengan apa yang dipegang sebelumnya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 160:

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا وَأَصْلَحُوا وَبَيَّنُّوا فَأُولَٰئِكَ أَتُوبُ عَلَيْهِمْ وَأَنَا
التَّوَّابُ الرَّحِيمُ

Terjemahan:

Kecuali orang-orang yang bertaubat, dan memperbaiki (amal buruk mereka) serta menerangkan (apa yang mereka sembunyikan); maka orang-orang itu, Aku terima taubat mereka, dan Akulah Yang Maha Penerima Taubat, lagi Maha Mengasihani.

Justeru, biarpun Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī pernah menganut fahaman Mu‘tazilah akibat terkesan dengan didikan al-Jubbā’ī, iaitu bapa tirinya semenjak kecil, namun beliau akhirnya kembali menganut pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Menurut Ibn Fūrak, bapa kandung beliau iaitu Abū Bashr, Ismā‘īl bin Ishāq merupakan seorang ahli hadis berfahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Sebelum meninggal dunia, Abū Bashr telah mewasiatkan supaya al-Ash‘arī menuntut dengan seorang imam hadis iaitu Zakariyyā bin Yahyā al-Sājī.⁸⁰ Bermakna, pada peringkat awal, al-Ash‘arī telah pun dididik dengan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sehingga ibunya

⁷⁹ Diriwayatkan bahawa Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī telah mengasingkan diri selama 15 hari, sebelum muncul dan mengisytiharkan diri bertaubat daripada pegangan Mu‘tazilah. Beliau melakukan perisytiharan tersebut di atas mimbar Masjid Baṣrah selepas menunaikan solat Jumaat dengan disaksikan oleh umat Islam. Lihat Ibn ‘Asākir, *Tabyīn*, 39; al-Subkī, *Ṭabaqāt*, 3: 348.

⁸⁰ *Ibid.*, 35; Zakariyyā bin Yahyā al-Sājī, seorang imam hadis dan mufti penduduk Baṣrah. Beliau terkenal dengan dua buah karya iaitu *Ikhtilāf al-‘Ulamā’* dan *‘Ilal al-Hadīth*. Meninggal dunia pada tahun 307H. Lihat al-Dhahabī, *Siyar A‘lām al-Nubalā’*, 14: 198.

berkahwin dengan al-Jubbā'ī, yang kemudian mengubah didikannya kepada Mu'tazilah.⁸¹

Walau bagaimanapun, setelah meninggalkan Mu'tazilah, beliau kembali melazimi al-Sājī. Menurut al-Dhahabī, al-Ash'arī menukulkan kata-kata salaf mengenai sifat Allah daripada al-Sājī dan mengikuti banyak pendapat al-Sājī dalam karya-karyanya.⁸² Selain itu, al-Ash'arī didapati banyak meriwayatkan hadis dalam tafsirnya daripada para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah di Baṣrah seperti 'Abd al-Raḥmān bin Khalaf al-Ḍabbī⁸³, Abū Khalīfah al-Jamḥī⁸⁴ dan Muḥammad bin Ya'qūb al-Muqri'.⁸⁵ Malah, salah seorang guru al-Ash'arī iaitu al-Ḍabbī meninggal dunia pada tahun 279 Hijrah ketika al-Ash'arī berumur 19 tahun. Ia memberi petunjuk bahawa al-

⁸¹ 'Abd al-Qādir bin Muḥammad al-Qurashī, *al-Jawāhir al-Muḍīyyah fī Ṭabaqāt al-Ḥanafīyyah* (Karachi: Mīr Muḥammad Khutub Khānah, t.t), 2: 247.

⁸² Ibn 'Asākir, *Tabyīn*, 35; al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 14: 198.

⁸³ Beliau adalah 'Abd al-Raḥmān bin Khalaf bin al-Ḥuṣayn al-Ḍabbī. Antara yang meriwayatkan hadis daripadanya ialah Abū Muḥammad bin Šā'id, al-Qādī Abū Muḥammad al-Muḥāmilī, Muḥammad bin Ja'far al-Maṭīrī dan Ismā'il bin al-Šaffār. Meninggal dunia pada tahun 279H di Baṣrah. Ibn 'Asākir menukulkan beliau sebagai salah seorang guru kepada al-Ash'arī. Lihat al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdād*, 10: 275; Ibn 'Asākir, *Tabyīn*, 400.

⁸⁴ Beliau adalah al-Faḍl bin al-Ḥubab. Lahir pada tahun 206H dan meninggal dunia pada tahun 305H. Al-Dhahabī menyifatkan beliau sebagai seorang muḥaddīth yang *thiqah*. Al-Dhahabī, al-Subkī dan Ibn 'Asākir antara yang menukulkan bahawa al-Ash'arī telah berguru dengannya. Lihat al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 14: 8, 15: 86; Tāj al-Dīn al-Subkī, *Ṭabaqāt al-Šāfi'īyyah al-Kubrā* (Kaḥerah: Hajr li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 1413H), 3: 355; Ibn 'Asākir, *Tabyīn*, 400.

⁸⁵ Beliau adalah Abū al-'Abbās Muḥammad bin Ya'qūb bin al-Ḥajjāj al-Taymī al-Baṣrī al-Muqri'. Meninggal dunia di Baṣrah selepas tahun 330H. Al-Subkī dan Ibn 'Asākir menukulkan beliau sebagai salah seorang guru al-Ash'arī. Lihat Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī, *Ma'rīfah al-Qurrā' al-Kibār 'alā al-Ṭabaqāt wa al-A'šār* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1404H), 1: 286; al-Subkī, *Ṭabaqāt*, 3: 355; Ibn 'Asākir, *Tabyīn*, 400.

Ash'arī tetap melazimi para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah walaupun ketika beliau masih menganut fahaman Mu'tazilah. Ia akhirnya mendorong beliau untuk kembali semula kepada pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

v. Dakwaan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah Sebuah Pakatan Yang Rapuh: Perbandingan Dengan Syiah

Mengenai dakwaan Faisal Tehrani bahawa mazhab-mazhab akidah dan fiqah yang terdapat dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah merupakan sebuah pakatan yang rapuh, ini adalah kesalahfahaman beliau dalam menilai Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagai sebuah aliran yang merangkumi disiplin akidah dan fiqah. Istilah pakatan yang digunakan oleh Faisal Tehrani tidak wajar disandarkan kepada mazhab-mazhab di bawah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Tidak pernah dicatatkan dalam mana-mana karya bahawa terdapat mazhab-mazhab tertentu yang berpakat lalu bergabung membentuk satu pakatan yang dinamakan dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Sebaliknya, sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah merupakan istilah yang bersumberkan dalil syarak yang telah pun digunapakai sejak zaman para sahabat, jauh sebelum kemunculan mazhab-mazhab tersebut.

Dari sudut akidah, seluruh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah bersepakat bahawa iktikad mereka adalah satu walaupun berbeza dari sudut pendekatan dan disiplin yang disusun.⁸⁶ Sekalipun wujud perselisihan pendapat antara Ashā'irah dan Māturīdiyyah dalam permasalahan tertentu, ia hanya dalam perkara furu' yang tidak membawa kepada kafir mengkafir atau bid'ah membida'ah antara satu sama lain.⁸⁷ Demikian jua perbezaan pendapat yang terjadi antara

⁸⁶ Al-Zabīdī, *Itihāf al-Sādah*, 2: 5.

⁸⁷ Al-Subkī, *Ṭabaqāt*, 3: 378; Ibn 'Asākir, *Tabayīn*, 409; 'Alī bin Sulṭān al-Qārī, *Mirqāt al-Mafāṭīh Sharḥ Mishkāt al-Maṣābiḥ* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 1: 383.

mazhab-mazhab fiqah, ia berlaku atas dasar ijtihad dalam perkara yang dibenarkan oleh syarak. Kerana itu, mazhab-mazhab fiqah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah bukan sekadar terbatas kepada empat, bahkan meliputi semua mazhab para sahabat dan tabi'īn.⁸⁸ Dengan kata lain, perselisihan pendapat dalam persoalan fiqah merupakan perkara yang lazim berlaku sama ada antara mazhab atau dalam sesebuah mazhab yang sama.

Hal ini turut berlaku dalam aliran Syiah. Lebih kritikal apabila berlaku perselisihan pendapat dalam perkara *uṣūl* sehingga menyebabkan Syiah terpecah kepada lima kumpulan besar iaitu Syiah Ghulāh, Syiah Zaydiyyah, Syiah Kaysāniyyah, Syiah Imāmiyyah dan Syiah Ismā'īliyyah. Syiah Ghulāh terpecah pula kepada dua puluh empat kumpulan, Kaysāniyyah kepada enam kumpulan, Zaydiyyah kepada sembilan kumpulan, Imāmiyyah kepada tiga puluh sembilan kumpulan dan Ismā'īliyyah terpecah kepada lapan kumpulan.⁸⁹ Ithnā 'Ashariyyah termasuk dalam kalangan Syiah Imāmiyyah. Mereka menganggap golongan selain daripada mereka sebagai kafir. Ketika membicarakan isu kenajisan golongan yang menyalahi Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah, al-Khaw'ī mengatakan golongan yang menyalahi mereka diakui keislamannya secara zahir, walaupun mereka pada hakikatnya adalah kafir di akhirat kelak.⁹⁰

Dalam masa yang sama, Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah sendiri berpecah kepada dua aliran utama iaitu Ikhbāriyyah dan Uṣūliyyah. Kumpulan Ikhbāriyyah

⁸⁸ Abū Ishāq al-Shīrāzī, *Ṭabāqāt al-Fuqahā'* (Beirut: Dār al-Rā'id al-'Arabī, 1970).

⁸⁹ Nāṣir al-Dīn al-Hindī, *al-Suyūf al-Mushriqah wa Mukhtaṣar al-Ṣawā'iq al-Muḥriqah* (Kaherah: Maktabah al-Imām al-Bukhārī, 2008), 59.

⁹⁰ Al-Mirzā 'Alī al-Ghurawī al-Tabrizī, *al-Tanqīḥ fī Sharḥ al-'Urwah al-Wuthqā Taqrīran li Baḥṡh Āyah Allāh al-'Uzmā al-Sayyid Abū al-Qāsim al-Mūsawī al-Khaw'ī* (Qom: al-Hādī li al-Maṭbū'āt, 1410H), 3: 87.

mengharamkan ijtihad ke atas faqīh kerana ia tidak maksum. Namun demikian, realiti semasa menyedarkan sebahagian mereka akan kepincangan pegangan tersebut lalu mengambil pendirian mengharuskan ijtihad. Kelompok ini dikenali sebagai beraliran Uṣūliyyah. Kedua-dua aliran ini menyaksikan pertentangan yang sengit sehingga ke peringkat kafir mengkafir dan menghalalkan darah antara satu sama lain.⁹¹ Menurut al-Ṭabāṭabā'ī, istilah al-Ikhhārī dan al-Uṣūlī telah menggugat kesatuan kelompok Syiah. Ia menyumbang kepada perpecahan, perlecehan dan cacian antara satu sama lain.⁹²

Kedua-dua pihak saling bantah membantah sehingga ke peringkat kafir mengkafir bahkan sebahagian mereka berfatwa mengharamkan solat di belakang kelompok yang tidak sealiran dengannya.⁹³ Terdapat juga kalangan para ulama Ikhhārīyyah yang tidak menyentuh karya-karya ulama Uṣūliyyah kecuali dengan berlapis, kerana menganggap kenajisannya.⁹⁴ Menurut al-Mallāḥ, Ithnā 'Ashariyyah terbahagi kepada Uṣūliyyah, Ikhhārīyyah, Shaykhiyyah, Kashfiyyah, Rukniyyah, Karīmkhāniyyah dan Qazlabāshiyyah, semuanya termasuk dalam kelompok Ithnā 'Ashariyyah, namun mereka saling kafir mengkafir satu sama lain.⁹⁵

Dalam pada itu, berlaku pula khilaf dalam kalangan golongan Uṣūliyyah berkenaan isu *Wilāyah al-Faqīh*. Sebahagian mengatakan, *Wilāyah al-Faqīh* harus

⁹¹ Muḥammad Ḥasan Āl al-Ṭāliqānī, *al-Shaykhiyyah, Nash'atuha wa Taṭawwaruha wa Maṣādir Dirāsatiha* (Baghdad: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 2007), 38-42.

⁹² Muḥammad Sa'īd al-Ḥakīm al-Ṭabāṭabā'ī, *al-Uṣūliyyah wa al-Ikhhārīyyah: Bayn al-Asmā' wa al-Wāqī'* (Najaf: Dār al-Hilāl, 2005), 12.

⁹³ Muḥammad Jawwād Mughniyyah, *Ma' 'Ulamā' al-Najaf al-Ashraf* (Beirut: Dār al-Jawwād, 1992), 74.

⁹⁴ Āl al-Ṭāliqānī, *al-Shaykhiyyah*, 39.

⁹⁵ Maḥmūd al-Mallāḥ, *al-Ārā' al-Ṣarīḥah li Binā' Qawmiyyah Ṣaḥīḥah* (Baghdad: Maṭba'ah Dār al-Salām, 1956), 81.

diserahkan kepada individu yang tidak maksum iaitu seorang faqīh. Ia akan bertindak sebagaimana kuasa yang ada pada seorang imam maksum. Sebahagian pula mengatakan, *Wilāyah al-Faqīh* tidak boleh diserahkan kepada seorang yang tidak maksum walaupun ia seorang faqīh. Bagi yang mendukung *Wilāyah al-Faqīh*, mereka mengeluarkan fatwa murtad terhadap golongan yang menentang konsep tersebut. Pada tahun 2010, kepimpinan tertinggi Iran, 'Alī Khāmana'ī telah mengisytiharkan secara terbuka bahawa dirinya merupakan pengganti (sementara) Imam al-Mahdī dan Rasulullah SAW, dan mentaatinya adalah wajib.⁹⁶

Beberapa orang tokoh ulama dan pemimpin Iran yang mendukung kuat *Wilāyah al-Faqīh* seperti Muḥammad Taqī Miṣbāḥ Yazdī⁹⁷, Maḥmūd Nabwiyān, Ghulām Ḥusayn Ghīb Barūr dan 'Abd Allāh Ḥājī Ṣādiqī menyifatkan penentang *Wilāyah al-Faqīh* sebagai terkeluar daripada Islam, syirik kepada Allah bahkan setaraf dengan pembunuh Ḥusayn.⁹⁸ Perpecahan yang melibatkan semua peringkat aliran Syiah ini menunjukkan ia bukan sebuah mazhab yang berdiri di atas asas atau sumber yang sama. Biarpun kesemua cabang aliran tersebut mendakwa berpegang kepada Ahl al-Bayt, namun hakikatnya ia sekadar dakwaan semata-mata. Sebaliknya majoriti aliran tersebut muncul akibat kefanatikan kepada tokoh masing-masing sehingga membelakangkan sumber agama yang asli iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah.

⁹⁶ "Khāmana'ī: Anā nā'ib al-Mahdī al-Muntazar wa tā'atī wajibah 'ala al-jamī'", Al Arabiya, dicapai 14 November 2017, <https://www.alarabiya.net/articles/2010/07/22/114511.html>.

⁹⁷ "Al-abb al-rūḥī li Aḥmadī Nijād: Man lam yaqbal bi ḥukm Wilāyah al-Faqīh yu'add murtadan", Al Arabiya, dicapai 14 November 2017, <https://www.alarabiya.net/articles/2010/06/14/111324.html>.

⁹⁸ "Ustādh fī Ḥawzah Qom, ghair al-mu'min bi Wilāyah al-Faqīh murtadd", Suḥf.net, dicapai 14 November 2017, <https://www.suhf.net/world/315998/> - أستاذ في - حوزة قم - غير المؤمن - بولاية - الفقيه -

مرتد - - - - - صحف - نت

vi. Dakwaan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah Terputus Daripada Sahabat

Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah cuba menutup perpecahan mereka sendiri dengan memperbesar-besarkan perbezaan pendapat yang wujud dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Ia dilakukan dengan tanggapan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah itu tidak asli, mazhab baharu dan terputus daripada Rasulullah SAW dan para sahabat. Pandangan Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah ini bertentangan dengan susur galur keilmuan yang diperoleh oleh para imam mazhab empat sebagaimana yang diiktikadkan oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah.

Ini kerana, sedia dimaklumi bahawa keempat-empat imam tersebut mengambil ilmu daripada silsilah yang bersambung sehingga kepada para sahabat Rasulullah SAW. Al-Imām Abū Ḥanīfah mengambil kebanyakan ilmu dan fiqahnya daripada guru tersohor beliau iaitu Ḥammād bin Abī Sulaymān. Ḥammād pula merupakan murid kepada Ibrāhīm al-Nakha'ī al-Sha'bi, manakala kedua-duanya pula mengambil ilmu daripada Shurayh al-Qāḍī, 'Alqamah bin Qays, Masrūq al-Ajda' dan lain-lain yang merupakan murid kepada dua orang tokoh sahabat tersohor iaitu 'Alī bin Abī Ṭālib dan 'Abd Allāh bin Mas'ūd.⁹⁹

Al-Imām Mālik terkenal mengambil ilmunya daripada penduduk Madīnah. Manakala penduduk Madīnah pula memperoleh ilmu daripada para ahli fiqah yang tujuh.¹⁰⁰ Sedangkan mereka adalah murid kepada para sahabat Rasulullah SAW seperti Zayd bin Thābit dan 'Abd Allāh bin 'Umar.¹⁰¹ Al-Imam al-Shāfi'ī pula membentuk

⁹⁹ Abū Zahrah, Muḥammad, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah* (Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī,t.t), 335.

¹⁰⁰ Mereka adalah Sa'īd bin al-Musayyib, 'Urwah bin Zubayr, Khārijah bin Zayd, al-Qāsim bin Muḥammad, Abū Bakr bin 'Abd al-Rahmān, Sulaymān bin Yasār dan 'Ubayd Allāh bin 'Abd Allāh bin 'Utbah bin Mas'ūd. Lihat Ibn al-Qayyim, *I'lām al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Ālamīn*, 1: 23.

¹⁰¹ Abū Zahrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, 373.

keilmuannya menerusi penduduk Makkah yang mewarisi ilmu daripada 'Abd Allāh bin 'Abbās, kemudian beliau turut mengambil ilmu daripada al-Imām Mālik.¹⁰² Demikian juga al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal yang mengikuti mazhab Ahli Hadīth. Beliau mengambilnya daripada Sufyān bin 'Uyaynah dan 'Amru bin Dīnar daripada Ibn 'Abbās dan Ibn 'Umar serta selain mereka.¹⁰³

Selain itu, terdapat ulama Syiah Imāmiyyah Ithnā 'Ashariyyah mengakui kebersambungan ilmu keempat-empat imam tersebut dengan para sahabat termasuk 'Alī bin Abī Tālib sendiri. Al-Ḥillī mengatakan, Abū Ḥanifah merupakan murid Ja'far al-Ṣādiq, al-Ṣādiq pula murid kepada al-Bāqir, al-Bāqir murid kepada Zayn al-'Ābidīn, Zayn al-'Ābidīn menuntut dengan al-Ḥusayn dan al-Ḥusayn menuntut dengan bapanya, 'Alī bin Abī Tālib. Mālik pula murid kepada Rabī'ah al-Ra'y, Rabī'ah murid kepada 'Ikrimah, 'Ikrimah murid kepada Ibn 'Abbās dan Ibn 'Abbās murid kepada 'Alī. Al-Shāfi'ī juga sama kerana menuntut dengan murid Abū Ḥanifah iaitu Muḥammad bin al-Ḥasan. Demikian jua Aḥmad bin Ḥanbal yang menuntut dengan al-Shāfi'ī, maka fiqah kedua-duanya kembali kepada 'Alī.¹⁰⁴

Demikian juga akidah Ashā'irah yang digagaskan oleh al-Imām Abū al-Ḥasan al-Ash'arī dan dianut oleh majoriti penganut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah di dunia, ia bukan suatu mazhab baharu yang terputus daripada Rasulullah SAW dan para sahabat seperti yang dinyatakan oleh Faisal Tehrani. Sebaliknya, mazhab yang dipegang oleh al-Imām Abū al-Ḥasan al-Ash'arī adalah berpandukan nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah sebagaimana yang difahami oleh salafussoleh. Al-Imām Tāj al-Dīn al-Subkī mengatakan

¹⁰² *Ibid.*, 411.

¹⁰³ *Ibid.*, 456.

¹⁰⁴ Ibn Muṭahhar al-Ḥillī, *Kashf al-Yaqīn fī Fadā'il Amīr al-Mu'minīn 'alayh al-salām* (Tehran: Wizārah al-Irshād, 1411H), 58; Al-Muzaffar al-Najāfī, *Dalā'il al-Ṣidq*, 6: 331.

ketika menjawab persoalan mengenai gelaran al-Ash'arī terhadap para penganut mazhabnya:

“Ketahuilah bahawa Abū al-Ḥasan tidak mereka-reka pendapat dan mengasaskan mazhab (baharu), akan tetapi beliau memprakui mazhab salaf dan memperjuangkan apa yang dipegang oleh para sahabat r.a.h. Penyandaran (gelaran) kepadanya, berdasarkan (usaha) beliau meletakkan jalan salaf sebagai suatu landasan, berpegang (kukuh) dengannya dan menegakkan hujah dan bukti ke atasnya. Ini menjadikan orang yang mengikutinya pada hal tersebut dan melalui jalannya dalam mengambil dalil-dalil digelar sebagai Ash'arī”¹⁰⁵.

Rumusan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan karya-karya Syiah Melayu tersebut gagal untuk membuktikan dakwaan-dakwaan skeptikal mereka terhadap mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Bahkan terbukti bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah merupakan sebuah mazhab yang tertegak di atas susur galur keilmuan yang bersambung kepada para sahabat, seterusnya kepada junjungan besar Rasulullah SAW. Ia bukan sebuah mazhab baharu yang wujud pada zaman terkemudian hasil daripada krisis politik antara 'Alī dan Mu'āwiyah atau muncul berasaskan retorika menentang fahaman Mu'tazilah yang berleluasa pada era 'Abbāsiyyah.

Sebaliknya, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah tidak lain merupakan ajaran asal yang diwariskan oleh Rasulullah SAW kepada umat ini. Ia menjadi pembeza antara dua golongan umat Islam. Segolongan yang masih kekal di atas manhaj Baginda SAW, digelar dengan pengikut al-Sunnah dan al-Jamā'ah. Sementara segolongan lagi yang

¹⁰⁵ Al-Subkī, *Ṭabaqāt al-Shāfi'yyah al-Kubrā*, 3: 365.

tersasar daripada manhaj Baginda SAW seperti Syiah, Khawārij, Murji'ah, Qadariyyah, Jabariyyah, Mujassimah, Mulhidah dan lain-lain.

Rujukan

- Abī Ya'lā, Muḥammad. *Ṭabaqāt al-Ḥanābilah*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t.
- Abū Zahrah, Muḥammad. *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, t.t.
- Al-Ājurri, Muḥammad bin al-Ḥusayn. *Al-Sharī'ah*. Riyāḍ: Dār al-Waṭan, 1999.
- Āl al-Kāshif al-Ghiṭā', Muḥammad al-Ḥusayn. *Aṣl al-Shī'ah wa Uṣūluhā: Muqāranah ma' al-Madhāhib al-Arba'ah*. Beirut: Dār al-Aḍwā', 1990.
- Āl al-Ṭāliqānī, Muḥammad Ḥasan. *Al-Shaykhīyyah, Nash'atuhā wa Taṭawwaruhā wa Maṣādir Dirāsatihā*. Baghdad: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 2007.
- Āli 'Uṣfūr, Ḥusayn bin Muḥammad. *Al-Mahāsin al-Nafsāniyyah fī Ajwibah al-Masā'il al-Khurasāniyyah*. Beirut: Dār al-Mashriq al-'Arabī al-Kabīr, 1979.
- Amīn, Aḥmad. *Fajr al-Islām*. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah, 1965.
- Anas, Mālīk. *Al-Muwatta'*. Mesir: Dār Iḥyā' al-Turāth al'Arabī, t.t.
- Al-'Awwād, Badr bin Nāṣir. *Al-Naṣb wa al-Nawāṣib*. Riyāḍ: Maktabah Dār al-Minhāj, 1433H.
- 'Awwājī, Ghalib bin 'Ali. *Firaq Mu'āsirat Tantasib Ilā al-Islām wa Bayān Mawqif al-Islām minhā*. Jeddah : al-Maktabah al-'Aṣriyyah al-Dhahabiyyah, 2001.
- Al-Baghdādī, 'Abd al-Qāhir bin Ṭāhir. *Al-Farq Bayn al-Firaq*. Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah, 1977.
- Al-Baghdādī, 'Abd al-Qāhir bin Ṭāhir. *Uṣūl al-Dīn*. Istanbul: Maṭba'ah al-Dawlah, 1928.
- Al-Baghdādī, Abū Bakr al-Khaṭīb. *al-Faqīh wa al-Mutafaqqih*. Saudi: Dār Ibn al-Jawzī, 1421H.
- Al-Baghdādī, Abū Bakr al-Khaṭīb. *Tārīkh Baghdād*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.

- Al-Baghdādī, Ismā'īl Bāshā. *Hadiyyah al-'Ārifīn Asmā' al-Mu'allifīn wa Āthār al-Muṣannifīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1992.
- Al-Baḥrānī, Hāshim bin Sulaymān. *Hilyah al-Abrār fī Aḥwāl Muḥammad wa Ālih al-Athār*. Qom: Mu'assasah al-Ma'arif al-Islāmiyyah, 1411H.
- Al-Barkaṭī, Muḥammad 'Amīm al-Iḥsān. *Qawā'id al-Fiqh*. Karachi: al-Ṣadaf Bablasharz, 1986.
- Al-Bayhaqī, Abū Bakr. *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*. Makkah al-Mukarramah: Maktabah Dār al-Bāz, 1994.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl. *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*. Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1987.
- Al-Dhahabī, Shams al-Dīn. *Ma'rifah al-Qurrā' al-Kibār 'alā al-Tabaqāt wa al-A'sār*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1404H.
- Al-Dhahabī, Shams al-Dīn. *Siyar A'lām al-Nubalā'*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1413H.
- Faisal Tehrani. *Perempuan Nan Bercinta*. Kuala Lumpur: ITBM, 2012.
- Al-Ḥajjāj, Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.
- Al-Hamadānī, Abū al-Faḍl. *Takmilah Tārīkh al-Ṭabarī*. Beirut: Maṭba'ah al-Kāthūlīkiyyah, 1958.
- Al-Ḥillī, al-Ḥasan bin 'Alī. *Al-Rijāl*. Najaf: Manshūrāt al-Maṭba'ah al-Ḥaydariyyah, 1972.
- Al-Ḥillī, Ibn al-Muṭahhar. *Kashf al-Yaqīn fī Fadā'il Amīr al-Mu'minīn 'alayh al-salām*. Tehran: Wizārah al-Irshād, 1411H.
- Al-Hindī, Nāshir al-Dīn. *Al-Suyūf al-Mushriqah wa Mukhtaṣar al-Ṣawā'iq al-Muḥriqah*. Kaherah: Maktabah al-Imām al-Bukhārī, 2008.
- Ḥukmī, Ḥafīz bin Aḥmad. *Ma'arij al-Qabūl bi Sharḥ Sullam al-Wuṣūl ilā 'Ilm al-Uṣūl*. Dammam: Dār Ibn al-Qayyim, 1990.

- Al-Ḥurr al-‘Āmilī, Muḥammad bin Ḥasan. *Tafṣil Wasā'il al-Shī'ah ilā Taḥṣīl Masā'il al-Sharī'ah*. Qom: Mu'assasah Ahl al-Bayt li Iḥyā al-Turāth, 1409H.
- Ibn ‘Abd al-Barr, Yūsuf bin ‘Abd Allāh. *Al-Tamhīd fī al-Muwaṭṭa' min al-Ma'ānī wa al-Asānīd*. Maghrib: Wizārah ‘Umūm al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1387H.
- Ibn ‘Asākir, ‘Alī bin al-Ḥasan. *Tabyīn Kadhib al-Muftarā fī mā Nusib Ilā Abī al-Ḥasan al-Ash'arī*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1404H.
- Ibn ‘Asākir, ‘Alī bin al-Ḥasan. *Tārīkh Madīnah Dimashq*. Beirut: Dār al-Fikr, 1995.
- Ibn ‘Aṭiyyah, Maqātil. *Abhā al-Murād fī Sharḥ Mu'tamar 'Ulamā' Baghdād*. Beirut: Mu'assasah al-‘Alamī, 1423H.
- Ibn Aḥmad, ‘Abd Allāh. *Al-Sunnah*. Dammam: Dār Ibn al-Qayyim, 1406H.
- Ibn al-Jawzī. *Al-Muntaẓam fī Tārīkh al-Mulūk wa al-Umam*. Beirut: Dār Ṣādir, 1358H.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah. *I'lām al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-‘Ālamīn*. Beirut: Dār al-Jīl, 1973.
- Ibn Bābawayh, ‘Alī bin al-Ḥusayn. *Man lā Yaḥḍuruh al-Faqīh*. Qom: Mu'assasah al-Nashr al-Islāmī, 1413H.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. Aḥmad bin ‘Alī. *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ma'rifah, t.t.
- Ibn Ḥanbal, Aḥmad bin Muḥammad. *Musnad al-Imām Aḥmad*. Kaherah: Mu'assasah Qarṭabah, 2011.
- Ibn Ḥazm, Abū Muḥammad. *Al-Fiṣal fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal*. Kaherah: Maktabah al-Khānjī, t.t.
- Ibn Ḥibbān, Muḥammad. *Ṣaḥīḥ ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1993.
- Ibn Khallikān, Shams al-Dīn. *Wafīyyat al-‘A'yān wa Anbā' Abnā' al-Zamān*. Lubnān: Dār al-Thaqāfah, t.t.
- Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd. *Sunan Ibn Mājah*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

- Al-Irbilī, 'Alī bin 'Īsā. *Kashf al-Ghummah*. Beirut: Dār al-Aḍwā', 1985.
- Al-Jazā'irī, Ni'mah Allāh. *Al-Anwār al-Nu'māniyyah*. Beirut: Dār al-Qāri', 2008.
- Al-Jurjānī, Ḥamzah bin Yūsuf. *Tārīkh Jurjān*. Beirut: Ālam al-Kutub, 1981.
- Al-Kāshānī, Muḥammad bin Murtaḍā. *Al-Wāfi*. Asfahān: Maktabah al-Imām Amīr al-Mu'minīn 'Alī 'alayh al-salām, 1406H.
- Khair Izzah. *Meniti Titian Kebenaran*. t.t.p.: Al-Muntazar Resources, 2011.
- Al-Khājū'i, Muḥammad bin Ismā'il. *Al-Rasā'il al-Fiqhiyyah*. Qom: Dār al-Kutub al-Islāmī, 1411H.
- Al-Kulaynī, Muḥammad bin Ya'qūb. *Al-Kāfi*. Qom: Dār al-Ḥadīth, 1429H.
- Al-Lālakā'i, Hibah Allāh bin al-Ḥasan. *Sharḥ Uṣūl I'tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah min al-Kitāb wa al-Sunnah wa Ijmā' al-Ṣaḥābah*. Riyad : Dār al-Tayyibah, 1402H.
- Al-Majlisī, Muḥammad Bāqir. *Bihār al-Anwār al-Jāmi'ah lidurar Akhbār al-A'imma al-Aṭhār*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1403H.
- Al-Mallāḥ, Maḥmūd. *Al-Ārā' al-Ṣarīḥah li Binā' Qawmiyyah Ṣaḥīḥah*. Baghdad: Maṭba'ah Dār al-Salām, 1956.
- Al-Mar'ashī, Qādī Nūr Allāh. *Iḥqāq al-Ḥaq wa Izhāq al-Bāṭil*. Qom: Maktabah Āyat Allāh al-Mar'ashī al-Najafī, 1409H.
- Al-Mu'allim, Muḥsin. *Al-Naṣb wa al-Nawāṣib*. Beirut: Dār al-Hudā, 1997.
- Al-Mufīd, Muḥammad bin Muḥammad. *Al-I'tiqādāt*. Qom: al-Mu'tamar al-'Alamī li Alfīyah al-Shaykh al-Ṣadūq, 1413H.
- Mughniyyah, Muḥammad Jawwād. *Ma' 'Ulamā' al-Najaf al-Ashraf*. Beirut: Dār al-Jawwād, 1992.

- Muḥammad bin 'Alī bin Bābawayh. *Thawāb al-A'māl wa 'Iqāb al-A'māl*. Qom: Dār al-Sharīf al-Riḍā, 1406H.
- Muḥsin, 'Alī Āli. *Li Allāh wa li al-Ḥaḡīqah*. Tehran: Mash'ar, 1382H.
- Al-Musawī, Mūsā. *al-Shī'ah wa al-Taṣḥīḥ: al-Ṣirā' bayn al-Shī'ah wa al-Tashayyu'*. 'Ammān: Dār 'Ammār, 1998.
- Al-Māturidī, Abū Manṣūr. *Kitāb al-Tawḥīd*. Beirut: Dār Ṣādir, t.t.
- Al-Najāfī, Muḥammad Ḥasan al-Muzaffar. *Dalā'il al-Ṣiḍq li Nahj al-Ḥaḡ*. Qom: Mu'assasah Āl al-Bayt, 1422H.
- Al-Nawbakhtī, al-Ḥasan bin Mūsā. *Firaq al-Shī'ah*. Istanbul: Maṭba'ah al-Dawlah, 1931.
- Al-Qārī, 'Alī bin Sulṭān. *Mirqāt al-Mafātīḥ Sharḥ Mishkāṭ al-Maṣābīḥ*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001.
- Al-Qummī, Sa'd bin 'Abd Allāh. *al-Maqālāt wa al-Firaq*. Tehran: Maṭba'ah Ḥaydarī, 1963.
- Al-Qurashī, 'Abd al-Qādir bin Muḥammad. *Al-Jawāhir al-Muḍiyyah fī Ṭabaqāt al-Ḥanafīyyah*. Karachi: Mīr Muḥammad Khutub Khānah, t.t.
- Al-Sakhāwī, Abū al-Khayr. *Al-Maqāshid al-Ḥasanah fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Mushtaharah 'alā al-Asīnah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1405H.
- Al-Sam'ānī, Manṣūr bin Muḥammad. *Qawāṭi' al-Adillah fī al-Uṣūl*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.
- Seksyen Akidah, JAKIM. "Kertas Makluman Perkembangan Terkini Isu Syiah di Malaysia," 2013.
- Al-Shahrastānī, Muḥammad bin 'Abd al-Karīm. *Al-Milal wa al-Niḡal*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1404H.
- Al-Shāṭibī, Abū Ishāq. *Al-I'tisām*. Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, t.t.
- Al-Shāṭibī, Abū Ishāq. *Al-Luma' fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1985.
- Al-Shāṭibī, Abū Ishāq. *Ṭabaqāt al-Fuḡahā'*. Beirut: Dār al-Rā'id al-'Arabī, 1970.

- Shibr, 'Abd Allāh. *Ḥaq al-Yaqīn fī Ma'rifah Uṣūl al-Dīn*. Qom: Anwār al-Hudā, 1424H.
- Al-Sinān, Ḥamad & al-'Anjarī, Fawzī. *Ahl al-Sunnah al-Ashā'irah, Shahādah 'Ulamā' al-Ummah wa Adillatuhum*. Kuwait: Dār al-Ḍiyā', 1427H.
- Al-Subkī, Tāj al-Dīn. *Ṭabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā*. Kaherah: Hajr li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 1413H.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. *Miftāḥ al-Jannah fī al-Ihtijāj bi al-Sunnah*. Madinah: al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah, 1399H.
- Al-Ṭabarī, Muḥammad bin Jarīr, *Tahdhīb al-Āthār wa Tafṣīl al-Thābit 'an Rasūl Allāh min al-Akhbār*. Kaherah: Maṭba'ah al-Madani, t.t.
- Al-Ṭabrīzī, al-Mirzā 'Alī al-Ghurawī. *Al-Tanqīḥ fī Sharḥ al-'Urwah al-Wuthqā Taqrīran li Baḥth Āyah Allāh al-'Uzmā al-Sayyid Abū al-Qāsim al-Mūsawī al-Khaw'ī*. Qom: al-Hādī li al-Maṭbū'āt, 1410H.
- Al-Ṭabāṭabā'ī, Muḥammad Sa'id al-Ḥakīm. *Al-Uṣūliyyah wa al-Ikhhāriyyah: Bayn al-Asmā' wa al-Wāqi'*. Najaf: Dār al-Hilāl, 2005.
- Ṭariḥī, Fakhr al-Dīn. *Majma' al-Baḥrayn*. Tehran: Murtaḍawī, 1416H.
- Al-Tījānī, Muḥammad. *Al-Shī'ah Hum Ahl al-Sunnah*. Qom: Markaz al-Abḥāth al-'Aqā'idīyyah, 1427H.
- Al-Tījānī, Muḥammad. *Thumm Iḥdaytu*. London: Mu'assasah al-Fajar, 1991.
- Al-Tirmīdhī, Muḥammad bin 'Isā. *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.
- Al-Tūsi, Muḥammad bin al-Ḥasan. *Tadhīb al-Aḥkām*. Tehran: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1407H.
- Al-Wirdānī, Ṣāliḥ. *Ahl al-Sunnah Sha'b Allāh al-Mukhtār: Dirāsah fī Fasād 'Aqā'id Ahl al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Mabdu'li al-Ṣaghīr, 1996.
- Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah-al-Kuwayt. *Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*. Kuwait: Dār al-Salāsīl, 1404H.

- Al-Yāfi'ī, Abū Muḥammad. *Mir'āh al-Jinān wa 'Ibrah al-Yaqzān*. Kaheerah: Dār al-Kitāb al-Islāmī, 1993.
- Al-Zabīdī, Muḥammad Murtaḍā al-Ḥusaynī. *Ittiḥāf al-Sādah al-Muttaqīn bi Sharḥ Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. Beirut: Mu'assasah al-Tārikh al-'Arabī, 1994.
- Al-Zabīdī, Muḥammad Murtaḍā al-Ḥusaynī. *Tāj al-'Arūs min Jawāhir al-Qāmūs*. t.tp: Dār al-Hidāyah, t.t.
- Ẓahīr, Iḥsān Ilāhī. *Al-Shi'ah wa al-Tashayyū'*. Lahore: Dar Tarjuman al-Sunnah, 1984.
- Al-Zirkilī, Khayr al-Dīn. *Al-A'lām*. Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, 1992.

Laman sesawang

- "Al-abb al-rūḥī li Aḥmadī Nijād: Man lam yaqbal bi ḥukm Wilāyah al-Faqīh yu'add murtadan", Al Arabiya, dicapai 14 November 2017, <https://www.alarabiya.net/articles/2010/06/14/111324.html>.
- "Debat Sunni Syiah Masjid Perling 2013: Analisis Ringkas", Meniti Titian Sebenar, dicapai 10 Januari 2016 <http://titian-sebenar.blogspot.my/2014/02/debat-sunni-syiah-masjid-perling-2013.html>.
- "Debat Sunni vs Syiah Malayia, dicapai 10 Januari 2016, <https://www.youtube.com/watch?v=NpSUIyUUwZE&t=42m38s>.
- "Khāmana'ī: Anā nā'ib al-Mahdī al-Muntaẓar wa ṭā'atī wajibah 'ala al-jamī'", Al Arabiya, dicapai 14 November 2017, <https://www.alarabiya.net/articles/2010/07/22/114511.html>.
- "Senarai Perintah Larangan", Kementerian Dalam Negeri, <http://epq.kdn.gov.my/epq/index.php?mod=public&opt=pl>. 15 Mei 2015.
- "Ustādh fī Ḥawzah Qom, ghair al-mu'min bi Wilāyah al-Faqīh murtadd", Suḥf.net,

Mohd Aizam & Mohd Fauzi, "Pemikiran Skeptikal Syiah terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah," *Afkār* Vol. 21 Issue 1 (2019): 1-52

<https://www.suhf.net/world/315998/> - أستاذ في حوزة قم - غير -
المؤمن بولاية الفقيه - مرتد - - صحف - نت
14 November 2017.